

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

1. Senaraikan usaha kerajaan menangani isu tanah mendap di Sungai Perai Mati yang menyebabkan banjir di kawasan sekitar.
 - (a) Nyatakan kekerapan pembersihan serta kontraktor terlibat.
 - (b) Berapakah kedalaman sungai dalam memastikan sungai ini masih menjadi kawasan takungan air daripada banjir?
 - (c) Apakah perancangan kerajaan untuk masa hadapan bagi sungai ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) mengambil maklum akan isu banjir yang disebabkan oleh mendapan tanah di Sungai Perai Mati. Berikutan itu, JPSPP telah melaksanakan dua (2) kerja di kawasan tersebut seperti berikut:

BIL.	TAJUK	PERUNTUKAN (RM)	KONTRAKTOR
1	Kerja-Kerja Memulihkan Saliran Sungai Perai Mati	172,660.00	Terra Modda Enterprise
2	Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir di Sungai Perai Mati	50,000.00	Dunia Berkat Enterprise

- (a) Tiada kerja pembersihan secara berkala dilaksanakan di kawasan tersebut. JPS Seberang Perai Utara hanya menjalankan kerja pembersihan secara *one-off* sahaja mengikut peruntukan dan keperluan semasa.
- (b) Berdasarkan Laporan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam bagi Daerah Seberang Perai Utara (2019), kedalaman sungai yang diperlukan untuk menampung kapasiti air larian hujan untuk 50 ARI (average recurrence interval) ialah 2.5 meter (m) x 25.0m (bed bottom) x 30.0m (top width).
- (c) Kerajaan Negeri melalui JPSPP telah memohon peruntukan bagi pelaksanaan projek fizikal Rancangan Tebatan Banjir Sungai Perai, Pulau Pinang (Fasa 2) dalam *Rolling Plan* Keempat dan Kelima Rancangan Malaysia Kedua Belas (*RP4/5 RMKe-12*) dengan anggaran peruntukan sebanyak RM501.0 juta melibatkan keseluruhan lembangan Sungai Perai di Pulau Pinang dan Kedah namun tidak diluluskan. Kerajaan Negeri akan memohon semula projek ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (*RMKe-13*).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

2. Senaraikan jumlah pili bomba dan kedudukan di DUN Sungai Dua.
 - (a) Apakah usaha kerajaan untuk menyediakan pili bomba di Kampung Air Itam Dalam untuk persediaan sekiranya berlaku kebakaran?
 - (b) Senaraikan langkah memohon pili air.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Jumlah keseluruhan pili bomba di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Dua adalah sebanyak 209 unit yang merangkumi tiga (3) buah zon iaitu Zon A, Zon C dan Zon E. Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Jumlah keseluruhan pili bomba yang terdapat di dalam Kampung Air Itam Dalam adalah sebanyak tiga (3) unit. Buat masa ini, kesemua pili bomba tersebut berada dalam keadaan yang baik dan mencukupi untuk digunakan semasa operasi pemadaman kebakaran. Selain itu, di dalam kawasan ini juga terdapat sumber air terbuka iaitu air sungai berdekatan yang boleh digunakan ketika kecemasan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan bagi penambahan pili bomba pada masa akan datang, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan mengambil tindakan sewajarnya.
 - (b) Pemasangan pili bomba baharu adalah berdasarkan pelan pembangunan yang telah diluluskan oleh Bahagian Keselamatan Kebakaran (BKK), Jabatan Bomba dan

Penyelamat Malaysia (JBPM) iaitu bagi projek-projek pembangunan yang akan dibina. Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan bagi pemasangan pili bomba baharu bagi penempatan sedia ada adalah seperti berikut:

- (i) Kajian Risiko/Kajian Kawasan yang dilakukan oleh balai-balai bagi kawasan jagaan;
- (ii) Kawasan berkepadatan penduduk dan berisiko tinggi serta tiada sumber air terbuka berdekatan lokasi;
- (iii) Jika jarak di antara pili bomba sedia ada adalah melebihi 90 meter; dan
- (iv) Ketiadaan akses jentera bomba yang boleh dilalui oleh jentera dan ketiadaan pili bomba di kawasan penempatan tersebut.

LAMPIRAN A**SENARAI JUMLAH PILI BOMBA DI DALAM KADUN SUNGAI DUA
MENGIKUT ZON****ZON A**

BIL	LOKASI	JUMLAH PILI BOMBA
1	Jalan Nyior Sebatang	2 unit
2	Merbau Kudong	4 unit
3	Taman Merbau Indah	45 unit
4	S.M Ahmad Said	1 unit
5	Kuarters Perbadanan Bekalan Air	2 unit
6	Taman Seri Murni	22 unit
7	Dewan Besar Sungai Dua	1 unit
8	Taman Merbau Jaya	20 unit
JUMLAH KESELURUHAN		97 unit

ZON C

BIL	LOKASI	JUMLAH PILI BOMBA
1	Dewan Besar Merbau Kudong	4 unit
2	Pekan Sungai Dua	6 unit
3	Lorong Pengkalan Machang	11 unit
4	Jalan Permatang Sungai Dua	5 unit
5	Taman Desa Murni	63 unit
6	Kampung Guar Kepayang	2 unit
7	Pasar Awam Sungai Dua	2 unit
8	Permatang Buloh	2 unit
9	Klinik Kesihatan Sungai Dua	3 unit
JUMLAH KESELURUHAN		98 unit

ZON E

BIL	LOKASI	JUMLAH PILI BOMBA
1	Taman Koskam	12 unit
2	Sekolah Agama Jalan Pokok Sena	1 unit
3	Surau Kampung Aman	1 unit
JUMLAH KESELURUHAN		14 unit

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

3. Senaraikan status tanah kubur berpusat di Sungai Dua.
 - (a) Bilakah tarikh jangkaan penduduk boleh gunakan kawasan kubur ini?
 - (b) Senaraikan usaha kerajaan dalam mengatasi masalah kepadatan kubur di DUN Sungai Dua.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menjelaskan bayaran tuntutan Borang 5A kepada Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Utara pada 22 Ogos 2024 bagi tanah kubur berpusat di Sungai Dua, namun sehingga kini MAINPP belum menerima Surat Hakmilik Tanah lot tersebut. Semakan dengan Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Utara (PDTSPU) pada 6 November 2024 mendapati pihak PDTSPU sedang dalam proses penyediaan Hakmilik Sementara (H.S.M)
 - (a) Jangkaan tanah perkuburan ini boleh digunakan adalah pada tahun 2025. Hal ini kerana pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) akan mengambil tindakan untuk melaksanakan kerja-kerja menambun tanah Tapak Perkuburan Islam Berpusat lot berkenaan terlebih dahulu.
 - (b) Pihak Berkuasa Negeri telah mengambil tindakan dengan menyediakan Tapak Perkuburan Islam Berpusat dalam usaha mengatasi masalah kepadatan tapak perkuburan Islam di

kawasan Butterworth yang turut mengambil kira isu kepadatan kubur di DUN Sungai Dua.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

4. Senaraikan perancangan dan persediaan kerajaan dalam mengatasi masalah ketiadaan air.
 - (a) Senaraikan tempat-tempat *hotspot* penyediaan tangki di DUN Sungai Dua.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengenal pasti bahawa ketiadaan air di kawasan DUN Sg Dua adalah kebanyakannya disebabkan oleh kerja-kerja penyelenggaraan melibatkan penyelenggaraan loji, pembaikan paip pecah, penggantian injap atau paip, penyambungan baru dan lain-lain. Sekiranya berlaku isu ketiadaan air yang berpunca dari kerja-kerja penyelenggaraan tersebut, PBAPP masih memberi bantuan dengan menghantar lori tangki air untuk menyokong bekalan air bagi kawasan yang terjejas di DUN Sg Dua.
 - (a) Tempat-tempat *hotspot* bagi penyediaan tangki di DUN Sg Dua adalah melibatkan lokasi flat-flat yang tidak dilengkapi tangki simpanan air atau tangki rosak yang tidak dibaiki atau muatan tangki tidak mencukupi. Senarai *hotspot* bagi daerah SPU adalah seperti di **LAMPIRAN A**. PBAPP juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2 juta secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk membantu flat-flat yang tidak mempunyai tangki sedutan melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

BIL	NEGERI	OPERATOR	DAERAH	LOKASI / KAWASAN TERLIBAT	PUNCA	JUMLAH AKAUN TERLIBAT (BIL)
1	PULAU PINANG	PBAPP	SEBERANG PERAI UTARA - SPU	FLAT TMN.TENGGIRI SBG.JAYA D1-D20	Kediaman bertingkat - tidak dilengkapi dengan tangki sedutan dan sistem pam.	250
2				TMN.TUNA	Kediaman bertingkat - tidak dilengkapi dengan tangki sedutan dan sistem pam.	192
3				TMN.JENAHAK BLK R,S,T,U,X	Kediaman bertingkat - tidak dilengkapi dengan tangki sedutan dan sistem pam.	200
4				TMN.JENAHAK BLK.J2,P	Kediaman bertingkat - tidak dilengkapi dengan tangki sedutan dan sistem pam.	147
5				TMN.TENGGIRI. BLK.L1,L2,L3,L4	Kediaman bertingkat - tidak dilengkapi dengan tangki sedutan dan sistem pam.	249
6				TMN.TENGGIRI. BLK.A,B,C,D,E	Kediaman bertingkat - tidak dilengkapi dengan tangki sedutan dan sistem pam.	545
7				RMH PANGSA TAMAN AIR TAWAR INDAH BLK B, C, D	Kediaman bertingkat - tidak dilengkapi dengan tangki sedutan dan sistem pam.	240
8				KAMPUNG PASIR GEBU	Penghujung bekalan	232

LAMPIRAN A

9				KAMPUNG PERMATANG RAWA	Penghujung bekalan	304
10				PULAU MERTA JAM	Penghujung bekalan	238
11				PERMATANG BENDAHARI	Penghujung bekalan	227
12				KAMPUNG KUALA MUDA & TAMAN KUALA MUDA	Penghujung bekalan	1322
13				KAMPUNG PINANG TUNGGAL	Penghujung bekalan	160
14				KAMPUNG EKOR KUCING	Penghujung bekalan	291

LAMPIRAN A



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

5. Apakah status projek naik taraf di Jalan Tok Kangar?
- (a) Siapakah kontraktor yang terlibat dan bilakah projek ini bermula dan bila dijangka siap?
 - (b) Senaraikan agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dengan projek ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kontraktor utama bagi projek tersebut kini dalam proses penamatan kontrak oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berikutan pelanggaran terma kontrak. PDC kini sedang dalam proses melantik Kontraktor Penyiap untuk menyelesaikan baki kerja pembinaan di tapak. Pada masa yang sama, kerja pembaikan jalan telah dilaksanakan oleh kontraktor penyelenggaraan setelah kontraktor utama memberi notis untuk penyerahan keluar dari tapak.
- (a) Kontraktor yang terlibat adalah MMA Construction & Engineering Sdn. Bhd. yang telah memulakan kerja di tapak pada 1 Ogos 2019. Proses pelantikan Kontraktor Penyiap dijangka selesai dalam masa terdekat dan jangkaan tempoh untuk baki kerja-kerja pembinaan projek diselesaikan adalah selama 12 bulan.

- (b) Agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dengan projek ini adalah seperti berikut:

BIL	AGENSI	PERANAN
1	Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP)	Pemilik
2	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	Pelaksana
3	Jabatan Kewangan Negeri (JKN)	Pembiaya

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

6. Senaraikan usaha naik taraf Pasar Awam Lebuh Cecil, George Town.
- (a) Berapakah peruntukan yang disalurkan untuk naik taraf ini?
 - (b) Senaraikan usaha kerajaan dalam mengatasi masalah perparitan yang menyebabkan kawasan ini berbau busuk.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menaik taraf Pasar Awam Lebuh Cecil adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan kerja-kerja pembaikan bumbung, lantai dan pendawaian individu untuk keseluruhan gerai di dalam Tapak Penjaja Sementara (TPS) Lebuh Cecil pada tahun 2010;
 - (ii) Melaksanakan kerja-kerja menaik taraf bumbung dan pemasangan pelepas asap sebanyak 20 unit di dalam TPS Lebuh Cecil pada tahun 2022;
 - (iii) Pemasangan sepuluh (10) buah kipas ekzos (*exhaust fan*) bagi kemudahan dan pembersihan bagi keselesaan peniaga dan pengunjung TPS Lebuh Cecil pada tahun 2024; dan

(iv) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kecil bagi kerosakan-kerosakan kecil yang telah dikenal pasti dari semasa ke semasa.

(a) Peruntukan yang telah dibelanjakan bagi kerja menaik taraf Lebuh Cecil adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Jumlah (RM)
1.	2010	941,919.00
2.	2022	25,450.44
3.	2024	368,410.44
JUMLAH (RM)		1,335,779.88

(b) Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui MBPP bagi mengatasi masalah perparitan yang menyebabkan bau busuk adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sivil parit yang merangkumi pemeriksaan dan pembaikan struktur;
- (ii) Menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan kekerapan sekali sehari; dan
- (iii) Menggunakan *Combi Unit* dan Lori STE (*Septic Tank Emptier*) di Lebuh McNair bagi mengeluarkan halangan parit atau ketulan minyak supaya saluran tidak terhalang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

7. Apakah perancangan kerajaan bagi menaik taraf kawasan pelancongan di Seberang Perai seperti Air Hitam Dalam Educational Forest, Bukit Katak dan Jeti Sungai Perai River Cruise, Sungai Dua bagi menarik lebih ramai pelancong yang berkunjung ke Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) komited dalam membaik pulih infrastruktur di kawasan pelancongan di Seberang Perai berdasarkan bidang kuasa masing-masing.

Bagi menyediakan kemudahan dan prasarana yang baik kepada pengunjung, Kerajaan Negeri melalui JPNPP telah memperuntukkan sejumlah RM750,000.00 bagi tempoh 2021 hingga 2024 untuk menyelenggara dan menaik taraf kemudahan sedia ada di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam. Ini termasuklah menyediakan bahan pameran baharu untuk tujuan pembelajaran. Kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur di dalam taman dijalankan secara berterusan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan keadaan persekitaran taman-taman ini selamat dan kondusif untuk digunakan oleh orang awam.

Bukit Katak adalah tanah milik persendirian dan buat masa ini Kerajaan Negeri tiada perancangan bagi kawasan tersebut.

Bagi Jeti Sungai Perai River Cruise, Sungai Dua pula, pihak MBSP dengan kerjasama *Think City* telah menyalurkan dana bagi penganjuran program berbentuk eko pelancongan di kawasan tersebut di bawah Geran Pekan Seberang Perai.

Pihak JPNPP juga telah bekerjasama dengan pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) untuk membina jeti terapung yang telah dibuka kepada orang ramai pada tahun 2022 bagi merencanakan lagi kegiatan eko pelancongan di sepanjang Sungai Perai.

Selain itu, pihak MBSP turut melaksanakan inisiatif bagi mewujudkan *Fun Mapping* bagi semua kawasan pelancongan di Seberang Perai Tengah sebagai mekanisme untuk memperkenalkan kawasan tersebut kepada pelancong.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

8. Kawasan pelancongan Seberang Perai.
- (a) Nyatakan perbelanjaan penyelenggaraan tahunan di Air Hitam Dalam Educational Forest.
 - (b) Berapakah jumlah program pelancongan yang telah diadakan di Jeti Sungai Perai River Cruise, Sungai Dua?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Dari tahun 2021 sehingga tahun 2024, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3.31 juta di bawah bajet Pembangunan Negeri (P09) kepada Jabatan Perhutanan Negeri untuk pembangunan kesemua Taman-taman Eko-Rimba di bawah kendalian jabatan di Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah itu, sebanyak RM750,000.00 seperti di Jadual 1 telah diperuntukkan bagi program-program Pembangunan Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam.

Kesemua peruntukan ini dikhususkan bagi program-program pembangunan yang bersifat penyelenggaraan dan menaik taraf infrastruktur seperti:

- (i) Menaik taraf dan menyelenggara kemudahan-kemudahan asas sedia ada seperti bangunan pejabat pentadbiran, tandas awam dan pondok rehat, kolam mandi, tapak perkhemahan, gerai-gerai serta kemudahan premis lain;

- (ii) Mewujudkan kemudahan baharu untuk aktiviti rekreasi seperti denai hutan dan laluan pejalan kaki; dan
- (iii) Pengurusan pokok bahaya untuk tujuan keselamatan pengunjung.

Kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur di dalam taman dijalankan secara berterusan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Jabatan Perhutanan Negeri bagi memastikan keadaan persekitaran taman-taman ini selamat dan kondusif digunakan oleh orang awam. Selain daripada itu juga, taman-taman ini tidak ketinggalan daripada menaik taraf kemudahannya untuk mewujudkan suatu tarikan baharu kepada taman-taman ini.

LOKASI	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN P.09 (RM)				JUMLAH (RM)
	2021	2022	2023	2024	
Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam	50,000	200,000	200,000	300,000	750,000

Jadual 1: Peruntukan Pembangunan P.09 Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang Bagi Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam dari Tahun 2021 hingga 2024.

- (b) Tiada program pelancongan yang spesifik dijalankan oleh Kerajaan Negeri di Jeti Sungai Perai River Cruise, Sungai Dua pada tahun 2024.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah menyokong program yang diadakan di sepanjang Sungai Perai termasuk Pesta Sungai Pulau Pinang 2.0 yang berlangsung pada 28 hingga 29 September 2024. Pesta ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti gotong-royong membersihkan sungai, mengecat semula dinding penahan dan balai lintang, menanam seratus pohon kunang-kunang, Liga Bola Sepak Bawah 16 Tahun, larian santai *Riverside Fun Run* sejauh 5 km, pertandingan memanah berkayak, acara *bot cruise*, aktiviti berkuda dan berkereta kuda, melepaskan benih ikan, pelayaran sungai, permainan tradisional, serta pelbagai persembahan hiburan.

Selain itu, pada 14 September 2024, telah diadakan program *River Boat Clean Up*, yang bertujuan untuk membersihkan

persekitaran Sungai Perai dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kelestarian alam sekitar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

9. Nyatakan jumlah perolehan dan keuntungan sebelum cukai PBA Holdings Berhad dari tahun 2018 hingga 2023.
- (a) Nyatakan pendapatan tahunan Pengerusi dan setiap Ahli Lembaga Pengarah PBA Holdings Berhad yang diterima dari tahun 2018 hingga 2023.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. (a) Jumlah perolehan (pendapatan) dan keuntungan PBA Holdings Berhad dari tahun 2018 sehingga 2023 adalah seperti berikut:

	2023	2022	2021	2020	2019	2018
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)
Pendapatan	423	347	334	336	340	334
Keuntungan Sebelum Cukai	68	32	28	31	28	36

(b) Jumlah pendapatan tahunan Pengerusi dan setiap Ahli Lembaga Pengarah PBA Holdings Berhad yang diterima dari tahun 2018 hingga 2023 adalah seperti berikut:

	2023	2022	2021	2020	2019	2018
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pendapatan Tahunan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah	408,080	444,775	434,865	360,386	414,308	380,274

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

10. Bagaimanakah kerajaan akan membantu rakyat Pulau Pinang yang dibebankan oleh kenaikan caj air bermula Februari 2024?
- (a) Apakah langkah kerajaan di dalam membendung kenaikan harga barangan keperluan lanjutan dari kenaikan caj air di Pulau Pinang?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Tarif air Negeri Pulau Pinang adalah terendah di Malaysia dengan subsidi sebanyak RM116.0 juta pada tahun 2023.

Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan bebanan pengguna terutamanya golongan B40 berikutan kenaikan caj air, rebat-rebat berikut telah disediakan:

- (i) Rebate Mutiara – untuk keluarga miskin tegar (melalui Pejabat Daerah/ e-kasih);
- (ii) Rebate Mesra Keluarga – untuk keluarga besar melebihi lapan (8) orang serumah;
- (iii) Rebate kebocoran air – kebocoran bawah tanah;
- (iv) Kampung Loan – kemudahan pinjaman untuk kos kemasukan air / kos penyambungan paip bagi rumah kampung;
- (v) Kemudahan bayaran ansuran bagi bil tinggi;

- (vi) Pemberian rebat 10m3 pertama air setiap bulan untuk tempoh 6 bulan kepada pengguna domestik bermula Julai sehingga Disember 2024 melibatkan rebat berjumlah RM11.0 juta; dan
 - (vii) Tarif domestik masih dibawah kos pengeluaran dimana Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) masih memberi subsidi kepada pengguna domestik.
- (a) Antara langkah kerajaan di dalam membendung kenaikan harga barangan keperluan lanjutan dari kenaikan caj air di Pulau Pinang adalah melalui pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN) seperti berikut:-
- (i) Pelaksanaan Jualan Rahmah dengan inisiatif program jualan murah sepanjang tahun 2024 oleh pasaraya besar dan pasaraya. KPDN juga akan memberi permit Notis Jualan Murah bagi pasaraya yang terlibat dengan Jualan Rahmah sehingga maksimum empat (4) bulan berbanding satu (1) bulan pada masa sekarang;
 - (ii) Bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFI) selain melaksanakan sesi libat urus yang berterusan dengan industri, pengeluar, pengimport, pemborong, peruncit, persatuan pengguna dan lain-lain pihak berkaitan dalam memastikan pengeluaran makanan dan barang keperluan lain dijamin bekalan dan stabil harganya;
 - (iii) Mengeluarkan Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) kepada peniaga borong dan runcit berdasarkan isu kenaikan harga barangan yang dikesan dan peniaga perlu memberikan maklumbalas dalam tempoh yang ditetapkan;
 - (iv) Melaksanakan program pematuhan penandaan harga yang jelas bagi membantu mengurangkan kos sara hidup melalui pembelian terancang serta membantu pengguna membuat pilihan;

- (v) Meneruskan pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum bagi Telur Ayam yang telah berkuatkuasa mulai 12 Oktober 2022 hingga kini bagi memberikan kestabilan harga kepada item tersebut;
- (vi) Membangunkan Aplikasi '*Price Catcher*' sejak tahun 2018 dimana para pengguna disarankan supaya memanfaatkan aplikasi ini ketika berbelanja untuk membuat perbandingan harga bagi mendapatkan barangan pada harga yang lebih berpatutan. Aplikasi '*Price Catcher*' memaparkan maklumat harga lebih 400 barangan yang dikutip oleh 934 Pegawai Pemantau Harga (PPH) KPDN di seluruh negara secara harian, mingguan dan bulanan; dan
- (vii) Mengambil tindakan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 sekiranya peniaga mengambil keuntungan yang tidak munasabah dan aktiviti menyorok boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

11. Apakah status draf enakmen kawalan dan sekatan penyebaran agama bukan Islam yang telah disiapkan pada tahun 2021?
- (a) Bilakah draf tersebut akan dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri untuk diluluskan?
 - (b) Berapa lamakah sijil perakuan masuk Islam akan diberikan kepada saudara baru?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Draf enakmen kawalan dan sekatan penyebaran agama bukan Islam telah disiapkan pada tahun 2021. Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih menunggu untuk draf enakmen ini untuk diselaraskan semula dengan penilitian yang lebih mendalam berdasarkan Rang Undang-Undang Pengembangan Agama Bukan Islam (Kawalan dan Sekatan) Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai model rujukan dimana ianya kini masih diteliti di peringkat persekutuan untuk dibentangkan di dalam parlimen tidak lama lagi.
- (a) Pada masa ini, Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) masih menunggu pembentangan di Parlimen Rang Undang-Undang Pengembangan Agama Bukan Islam (Kawalan dan Sekatan) Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai model rujukan untuk tujuan penyelarasan undang-undang yang sama di negeri-negeri seluruh Malaysia. Oleh itu, setelah parlimen meluluskannya kelak maka Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak, MAINPP meneliti dengan kadar segera

sebelum dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk Rang Undang-undang tersebut dipraktik di Negeri Pulau Pinang.

- (b) Kompleks Darul Hidayah (KDH) merupakan 'one stop centre' Saudara Kita Negeri Pulau Pinang yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hal ehwal saudara kita bermula dengan proses pengislaman sehingga pengeluaran kad islam diuruskan di kompleks ini. Setiap Saudara Kita yang memeluk Islam di Pulau Pinang akan diberikan "surat akuan masuk Islam sementara" sebelum kad Islam dikeluarkan. Kad Islam dikeluarkan selepas saudara kita menghadiri Bengkel Bimbingan Asas Fardhu Ain (BAFA) yang dianjurkan Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) setiap bulan tanpa had masa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

12. Nyatakan secara terperinci keluasan tanah pemilikan bumiputera, bukan bumiputera dan warga asing di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023.
- (a) Nyatakan negara pemilik hartanah warga asing di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Sistem e-Tanah ini tidak dapat memproses data secara tepat bagi peratusan pemilikan tanah mengikut komposisi di Pulau Pinang memandangkan sistem ini tidak meletakkan ruangan kaum sebagai mandatori untuk diisi. Selain itu, terdapat pemilikan tanah yang dimiliki bersama oleh lebih dari satu kaum dalam satu hak milik. Oleh yang demikian, maklumat pemilikan tanah mengikut Bumiputera, Bukan Bumiputera dan warga asing di Pulau Pinang tidak dapat disediakan secara terperinci.
- (a) Senarai negara pemilik hartanah warga asing di Pulau Pinang dari tahun 2018 sehingga 2023 adalah seperti Jadual di bawah:

BIL.	NEGARA	JUMLAH PEMILIK
1	Argentina	1
2	Australia	39
3	Austria	2
4	Bangladesh	1
5	Belgium	3
6	Bulgaria	1
7	Kanada	24

8	China	510
9	Cyprus	1
10	Denmark	2
11	Filipina	3
12	Hong Kong	18
13	India	20
14	Indonesia	99
15	Ireland	3
16	Itali	2
17	Jepun	15
18	Jerman	14
19	Korea	13
20	Maldives	1
21	Myanmar	4
22	Netherlands	11
23	New Zealand	6
24	Norway	1
25	Pakistan	1
26	Perancis	6
27	Portugal	1
28	Rusia	1
29	Singapura	201
30	Afrika Selatan	2
31	Sweden	1
32	Switzerland	3
33	Syria	2
34	Taiwan	51
35	Thailand	5
36	Tunisia	2
37	United Kingdom	83
38	Vietnam	3
	JUMLAH	1,156

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

13. Nyatakan keluasan dan lokasi tanah wakaf Islam yang didiami oleh orang bukan Islam di Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan jumlah sewa yang dibayar bagi hartanah wakaf Islam dari tahun 2018 hingga 2023.
 - (b) Adakah kadar sewa tanah wakaf Islam tersebut menepati kadar nilai semasa dibayar oleh para penyewa?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Keluasan dan lokasi tanah wakaf Islam yang didiami oleh orang bukan Islam di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (1) No. 76, Lebu Pantai, DTL; 2,500 kaki persegi (Premis Wakaf)
Status: Penyewa MAINPP
 - (2) No. 69, Lebu Aceh Pulau Pinang; 1,500 kaki persegi (Premis Wakaf)
Status: Penyewa MAINPP
 - (3) Lot 1, Mukim 2 Permatang Ara, SPT; 1,500 kaki persegi (Bangunan Kedai)
Status: Dalam tindakan penyelesaian.
 - (4) Lot 1798, Mukim 12 Permatang Damar Laut, DBD; 2,500 kaki persegi (Rumah Kediaman)
Status: Dalam tindakan penyelesaian.

- (5) Lot 366/367, Sek.5, Bandar Air Itam, Jalan Zoo, DTL; 1,500 kaki persegi (Rumah Kediaman)
Status: Dalam tindakan penyelesaian.
- (6) Lot 764 dan 766, Mukim 20, Sungai Semambu, SPT; 4,000 kaki persegi (Rumah Kediaman)
Status: Dalam tindakan penyelesaian.
- (a) Jumlah kadar sewa yang dibayar terhadap penyewa berdaftar Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah RM1,000.00 hingga RM1,500.00 sebulan.
- (b) Kadar sewa tanah wakaf Islam tersebut telah menepati kadar nilai semasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

14. Berapakah bilangan syarikat-syarikat yang berdaftar sebagai perniagaan milikan tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad (PLT), syarikat sendirian berhad dan syarikat awam berhad di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023?
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu para peniaga yang terkesan dari pandemik yang melanda sejak tahun 2020?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Berdasarkan maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), bilangan syarikat-syarikat yang berdaftar sebagai Perniagaan Milikan Tunggal, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT), Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023 adalah berjumlah 161,373 buah syarikat seperti perincian mengikut tahun di **LAMPIRAN A**.
- (a) Antara usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang membantu para peniaga yang terkesan dari pandemik yang melanda sejak tahun 2020 adalah seperti berikut:
- (i) Bantuan kewangan RM500.00 secara *one-off* kepada peniaga dan penjaja berlesen, penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian, penjaja/penggerai yang mempunyai tagging dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan

- peniaga pasar tani (FAMA) di bawah Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan Covid-19) Fasa 1, 2 dan 3;
- (ii) Pengecualian bayaran sewaan gerai pasar awam dan kompleks penjaja MBSP untuk tempoh sebulan bagi bulan April 2020;
 - (iii) Pengecualian Bayaran Sewa Premis Perniagaan PBT untuk 3 bulan (Oktober hingga Disember 2021);
 - (iv) Pengecualian Bayaran Permit Penganjuran Pasar Malam/Pagi/Minggu untuk setahun;
 - (v) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) membantu dalam memudahkan proses pengeluaran lesen/permit kepada peniaga melalui penambahbaikan prosedur proses permohonan lesen perniagaan MBSP apabila lesen perniagaan aktiviti industri di dalam kawasan industri dikeluarkan lesen dalam tempoh 24 jam selepas permohonan lengkap diterima;
 - (vi) Permohonan lesen kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak perlu lagi dibuat di kaunter pejabat tetapi boleh dibuat secara *online* sepenuhnya melalui sistem 'uLesen'. Sekiranya permohonan lesen diluluskan, pemohon boleh membuat bayaran dan cetakan lesen secara *online*;
 - (vii) MBPP mengeluarkan lesen sementara dalam tempoh 1 hingga 3 tahun untuk permohonan lesen kilang yang memerlukan masa bagi mematuhi syarat tukar guna atau mematuhi syarat kelulusan pelan tambahan struktur binaan premis bangunan kilang;
 - (viii) MBSP dan MBPP memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik melalui sesi temuduga ruang niaga yang diadakan pada setiap bulan; dan
 - (ix) MBSP dan MBPP mengenalpasti dan menyediakan penempatan-penempatan semula penjaja/peniaga tidak berlesen.

LAMPIRAN A

STATISTIK DARIPADA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) BERKAITAN BILANGAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERDAFTAR SEBAGAI PERNIAGAAN MILIKAN TUNGGAL, PERKONGSIAN, PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT), SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DAN SYARIKAT AWAM BERHAD DI NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2018 HINGGA 2023

TAHUN	JENIS SYARIKAT					JUMLAH KESELURUHAN
	TUNGGAL	PERKONGSIAN	PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)	SENDIRIAN BERHAD	AWAM BERHAD	
2018	22,217	3,385	232	3,213	17	29,064
2019	19,707	3,501	221	3,039	19	26,487
2020	21,310	3,142	225	2,970	15	27,662
2021	22,525	2,907	243	2,961	20	28,656
2022	18,517	2,487	234	3,116	15	24,369
2023	18,973	2,459	228	3,464	11	25,135
JUMLAH	123,249	17,881	1,383	18,763	97	161,373

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

15. Berapakah bilangan pengusaha kecil dan sederhana (PKS) yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga sekarang?
- (a) Berapakah bilangan pengusaha PKS yang telah menutup perniagaan mereka sejak tahun 2020 hingga sekarang?
- (b) Apakah usaha kerajaan dalam membantu mereka agar dapat terus bertahan dalam perniagaan mereka?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Berdasarkan maklumat daripada SME Corp Malaysia, bermula tahun 2020 sehingga 2023, terdapat 335,196 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) daripada Pulau Pinang yang berdaftar melalui Sistem Bersepadu Penarafan & Insentif PMKS (MyBPI) yang digunakan bagi mengesahkan status PMKS untuk semua syarikat/perniagaan yang memenuhi definisi PMKS. Perincian mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PMKS	% DARIPADA JUMLAH PMKS DI MALAYSIA
2020	82,490	7.2%
2021	89,044	7.3%
2022	80,986	7.6%
2023	82,676	7.5%

- (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkenaan bilangan pengusaha PKS yang telah menutup perniagaan mereka sejak tahun 2020 hingga sekarang.
- (b) PKS di seluruh negara, termasuk di Pulau Pinang telah menghadapi cabaran besar sejak pandemik COVID-19 bermula pada 2020. Banyak PKS terjejas teruk akibat sekatan pergerakan, penutupan sementara, dan penurunan permintaan. Antara usaha kerajaan dalam membantu PKS demi kelangsungan PKS dalam bidang perniagaan adalah seperti berikut:
 - (i) Kerajaan Negeri melalui beberapa jabatan dan agensi negeri telah melaksanakan pelbagai program keusahawanan seperti perincian di **LAMPIRAN A**;
 - (ii) Seramai 837 orang PKS telah menerima pinjaman mikrokredit Skim Pinjaman Harapan (SPH) dari tahun 2020 hingga kini dengan jumlah pinjaman sebanyak RM12,372,000.00 dibawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC);
 - (iii) PDC telah menyediakan unit-unit sewaan jenis teres dan Semi-D untuk PKS di Taman Perindustrian Bayan Lepas, Bukit Minyak dan Bukit Tengah bagi industri pembuatan, pengeluaran, makanan dan sebagainya; dan
 - (iv) PDC sedang dalam proses menyiapkan satu projek di Taman Perindustrian Bukit Minyak yang terdiri daripada enam (6) unit teres dan empat (4) unit Semi-D untuk ditawarkan bagi penjualan kepada syarikat dalam industri makanan. Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance-CCC*) bagi projek tersebut dijangka diperolehi sebelum akhir tahun 2024.

LAMPIRAN A

PROGRAM-PROGRAM KEUSAHAWANAN SEPANJANG TAHUN 2024

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
1.	Bengkel Kesedaran dan Bimbingan Halal Usahawan Madani 2024 (dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (KUSKOP))	19 & 20 Februari 2024	Olivetree Hotel, Bayan Baru Pulau Pinang	78	35,775.00	PDC
2.	Kursus Perakaunan dan Percukaian	25 April 2024	PDC	80	22,067.00	
3.	Program Jerayawara/ Taklimat bergerak Pembiayaan Perniagaan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) 2024 (dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB))	13 Jun 2024	Eastin Hotel, Pulau Pinang	102	6,075.00	
4.	Program Hari Eksport Pulau Pinang 2024 (dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE))	22 & 23 Julai 2024	Hotel Olive Green, Bayan Lepas	160	29,842.00	
5.	Program Tembus Pasaran Digital	14 & 15 Ogos 2024	Eastin Hotel, Pulau Pinang	34	12,744.00	
6.	Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)	17-20 September 2024	MITEC Malaysia International Trade and Exhibition Centre Kuala Lumpur	2	10,500.00	
7.	Kursus Kepintaran Buatan (AI) untuk perniagaan & Kursus Tik Tok untuk perniagaan (dengan kerjasama MDEC)	23 & 24 Oktober 2024	Eastin Hotel, Pulau Pinang	114	38,232.00	
8.	Kursus Pembungkusan, Pelabelan dan Penjenamaan (dengan kerjasama SIRIM)	Disember 2024	-	Sasaran 90	-	

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
9.	Karnival Usahawan Sempena Jelajah Halal Pulau Pinang	28 – 30 Jun 2024	CMART Premium Bandar Tasek Mutiara	15	RM10,430.58	PHI
10.	Bootcamp Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 1.0 Dengan Kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang	16 – 18 Ogos 2024	Bukit Jawi Golf Resort	130	Peruntukan ICU	
11.	Embarking On Halal Premium: A 1-Day Booth Camp Journey to MIHAS 2024, PREMIUM HALAL PENANG Dengan Kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang	25 Ogos 2024	The Grand Mulia	32	Peruntukan ICU	
12.	Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Pulau Pinang Dengan Kerjasama Zakat Pulau Pinang	30 September 2024	Kompleks Darul Hidayah	50	Peruntukan Zakat	
13.	Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Pulau Pinang Dengan Kerjasama Zakat Pulau Pinang	14 Oktober 2024	Dewan Utama MPKK, Jalan Tenggiri, Seberang Jaya	50	1,310.00	
14.	Bootcamp Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2.0 Dengan Kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang	4 – 6 November 2024	Hotel Raia Inn	150	Peruntukan ICU	
15.	Penyertaan Dalam Acara MIHAS 2024	17 – 20 September 2024	MITEC, Kuala Lumpur	5	53,013.76	
16.	Penyertaan Dalam Acara SELHAC	16 – 19 Oktober 2024	KLCC	4	65,939.50	
17.	Penang International Halal Expo 2024 (PIHEX)	5-8 Disember 2024	Tapak Gravitas, Jalan Baru	-	-	
18.	Penang Women's Entrepreneur Program (PenMentor)	10 November 2024 - Januari 2025	-	100	10,000.00	

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
19.	Forum Sumber-Sumber Dana Dan Bantuan Usahawan Wanita	13 Disember 2024	-	100	5,000.00	
20.	Pertandingan Keusahawanan Belia	11 Jun 2024 hingga 26 Oktober 2024	-	238	36,088.00	PYDC
21.	Bengkel Platform e-Dagang	20 Julai 2024	-	68	-	
22.	Bengkel Retailing & Best Practices	20 Julai 2024	-	56	-	
23.	Bengkel Harta Intelek (Tanda Dagang & Pattern)	27 Julai 2024	-	38	-	
24.	Bengkel Kewangan & Pembiayaan Perniagaan	27 Julai 2024	-	38	-	
25.	Kursus Masakan Pembuatan Maruku	Sepanjang Tahun 2024	Daerah Barat Daya	180	35,230.00	PDTDBD
26.	Kursus Masakan Pembuatan Kek Tapak Kuda					
27.	Bengkel Pengurusan Kewangan Dan Pemasaran Digital					
28.	Kursus Masakan Pembuatan Soft Cookies					
29.	Kursus Masakan Pembuatan Tart Telur, Tart Telur Portugis Dan Tart Bakar Hokkaido					
30.	Kursus Pemasangan Stone Plastic Composite Flooring					
31.	Kursus Peniagaan Borong China					
32.	Kursus <i>Tik Tok Content Creator</i> , Business Dan <i>Tik Tok Shop</i>	Sepanjang Tahun 2024	Daerah Timur Laut	33	9,850.00	PDTDTL
33.	Kursus Pembuatan Roti Canai, Murtabak Dan Roti Bom			25	6,380.00	
34.	Kursus Asas Pembuatan Losyen Sun Burn Dan Serum			30	7,380.00	
35.	Kursus Asas Pembuatan Minyak Wangi Dan Losyen Tangan			25	7,380.00	
36.	Kursus Penghasilan Pelbagai Jenis Biskut (Hands On)	06 Mac 2024	Dewan Seri Mertajam, Pejabat Daerah dan Tanah,	25	4,915.00	PDTSPT

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
			Seberang Perai Tengah			
37.	Kursus <i>Chocolate Bouquet With Fresh Flower And Fruit Bouquet (Box)</i>	25 Mei 2024	Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	25	7,315.00	
38.	Kursus Pembuatan Roti & Kek (Hands On)	08 Jun 2024	Dewan Seri Mertajam, Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah	25	4,915.00	
39.	Kursus Gubahan Bunga Hiasan	17 Ogos 2024	Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	25	8,830.00	
40.	Kursus Jahitan Baju Abaya	02 November 2024	Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	23	4,870.00	
41.	Kursus Barbershop	Sepanjang Tahun 2024	Daerah Seberang Perai Utara	20	6,000.00	PDTSPU
42.	Kursus Asas Jahitan (Pakaian Dan Langsir)		Daerah Seberang Perai Utara	30	8,000.00	
43.	Kursus Penghasilan Kek Dan Pastri		Daerah Seberang Perai Utara	30	7,000.00	
44.	Kursus Pembuatan Roti Canai Dan Murtabak		Daerah Seberang Perai Utara	28	6,000.00	
45.	Kursus Tanaman Cendawan Tiram Kelabu		Daerah Seberang Perai Utara	30	8,000.00	

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
46.	Kursus Penghasilan Sabun Cecair Pencuci Pinggan Mangkuk Dan Pakaian		Daerah Seberang Perai Utara	43	5,000.00	
47.	Penyertaan Ke Sabah International Food Expo (SIFEX)	8-10 Mac 2024	Sabah International Convention Center	20 usahawan	61,840.00	
48.	Program Pemerksaan Ekonomi Usahawan B40 Bumiputera Pulau Pinang 2024	25 Mei 2024	Tasek Gelugor	300	10,000.00	
49.	Marketplace @KOMTAR	BERKALA (2x sebulan)	KOMTAR	25 peniaga kecil setiap sesi	10,000.00	
50.	Jelajah Usahawan Jalur Gemilang	17&18 Ogos 2024	Kompleks Bukit Jambul	50 peniaga	12,384.00	
51.	Festival Chowrasta Walk 2024	Disember 2024	Pasar Chow Rasta		10,000.00	
52.	Gerbang Malam Bandar Perda	Hujung Minggu	PERDA		10,000.00	
53.	Program Startup Biz Keusahawanan TVET POLYCC	2-4 Oktober 2024	KOMTAR		5,000.00	
54.	Program Lifestylepreneurship 5.0	14-15 September 2024	Prangin Mall	350	10,000.00	
55.	Program Bicara Niaga (Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil)	27 September 2024	Seberang Jaya		10,000.00	
56.	Jualan Agro Madani Usahanita Pulau Pinang	18 Ogos 2024	Majlis Daerah Barat Daya		10,000.00	
57.	Program Cash Voucher Melalui Bayaran AP58	Ogos 2024	Kompleks Bukit Jambul		20,000.00	
58.	EXPO Midtown Perda (EXPERT)	26-29 September 2024	Midtown PERDA		2,500.00	
59.	Penyertaan Usahawan Ke Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) Peringkat Kebangsaan 2024	1-3 November 2024	Butterworth Arena		30,000.00	
60.	Pesta Pulau Pinang 2024/2025	21 Disember 2024 – 2 Februari 2025	Tapak Pesta Sungai Nibong		30,000.00	

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
61.	Karnival Transformasi Usahawan Tasek Gelugor	7 Disember 2024	SMK Desa Murni		10,000.00	
62.	Jelajah Penang Day	2 bulan sekali	6 negeri		140,000.00	FAMA
63.	Program Pemantapan Usahawan Seri Delima (USD) 1.0	18 & 19 November 2024	Dewan MPKK Sungai Gelugor		5,000.00	
64.	Program Seminar Keusahawanan Ibu Tunggal DUN Sungai Acheh	16 November 2024	SK Sungai Setar	500	20,000.00	
65.	Jelajah Taklimat Usahawan Pulau Pinang	30 November 2024			20,000.00	PDTSPS

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

16. Jumlah kendalian kargo di Pelabuhan Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah penurunan dari tahun 2018 hingga 2022. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menaikkan taraf dan kemudahan yang terdapat di pelabuhan bagi menarik minat syarikat-syarikat utama dunia menggunakan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pusat eksport dan import barangan utama di dunia?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Pelabuhan Pulau Pinang adalah fasiliti milik Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan. Ia dioperasikan oleh Penang Port Sdn. Bhd., sebuah syarikat swasta milik Kumpulan MMC. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf kemudahan yang terdapat di pelabuhan tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Penang Port Sdn. Bhd. dalam menyediakan fasiliti dan persekitaran yang optimum untuk pengoperasian pelabuhan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

17. Apakah perancangan Pelabuhan Pulau Pinang bagi menarik syarikat-syarikat kapal pelayaran (cruise ship) sebagai destinasi pelabuhan?
- (a) Nyatakan jumlah kos yang telah dibelanjakan bagi menaik taraf kemudahan di Pelabuhan Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) mengambil langkah secara konsisten untuk mempromosikan pelancongan pelayaran dengan mewujudkan perkongsian strategik dengan laluan pelayaran antarabangsa. Tahun ini, PGT mengambil bahagian dalam acara industri berkaitan pelayaran seperti *CruiseWorld* Asia di Singapura untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi pelayaran terkemuka. Pulau Pinang berhubung dengan pihak berkepentingan pelancongan global, mempromosikan lokasi strategik dan tarikan kebudayaan di Pulau Pinang. Jangkauan ini digabungkan dengan usaha pemasaran digital yang menyasarkan pelancong dari Singapura, Indonesia dan Eropah bagi memastikan aliran pelancong pelayaran yang konsisten ke negeri ini. Promosi aktif di platform antarabangsa ini sejajar dengan komitmen Pulau Pinang untuk bekerjasama dengan rakan industri dan menyesuaikan diri dengan permintaan pelancongan pelayaran yang berkembang serta membantu meletakkan Pulau Pinang sebagai persinggahan dalam jadual perjalanan pelayaran di Asia Tenggara.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang tiada maklumat berkaitan kerana Pelabuhan Pulau Pinang adalah dibawah bidang kuasa Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang merupakan badan statutori di bawah Kerajaan Persekutuan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

18. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pinjaman RM200 juta bagi membangunkan projek perumahan di atas tanah wakaf di Permatang Pauh pada April 2023. Apakah status duit tersebut dan bagaimanakah pinjaman tersebut yang telah dibelanjakan sehingga kini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Pada 14 April 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan RM200 juta bagi Pembangunan Tanah Wakaf di Pulau Pinang melalui Dana Pembiayaan Mudah (*Soft Financing*) yang akan dikendalikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan cadangan pembangunan melibatkan 120 unit Perumahan Mampu Milik tanah wakaf di atas Lot 2164, Mukim 4 Permatang Tok Kandu, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah dengan kos bernilai RM35 juta.

Bagi menjayakan hasrat tersebut, pihak MAINPP telah bersetuju dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPPSB) untuk menubuhkan satu (1) Anak Syarikat (*Subsidiari*) usahasama *Special Purpose Vehicle* (SPV) iaitu WPP Joint Development Sdn. Bhd. bagi pelaksanaan cadangan pembangunan tanah wakaf di atas Lot 2164, Mukim 4, Permatang Tok Kandu, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Sehingga kini pelan kelulusan cadangan pembangunan telah dikemukakan kepada pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan. Bagi pembiayaan pembangunan tersebut pihak Kementerian Kewangan Malaysia mengadakan lawatan tapak pada 12 November 2024 bagi tujuan penilaian akhir kos cadangan pembangunan yang bernilai RM35 juta.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

19. Apakah peranan Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd (WPP) di dalam membangunkan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang?
- (a) Berapakah projek pembangunan tanah wakaf yang telah dijalankan sehingga sekarang?
 - (b) Adakah projek-projek wakaf di Pulau Pinang selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (sustainable development goals) seperti diamalkan di negeri-negara maju?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Peranan Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPPSB) di dalam membangunkan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang antaranya adalah bertanggungjawab merancang, melaksanakan projek pembangunan hartanah di atas tanah wakaf yang berpotensi dan merencanakan pembangunan mampan dan lestari selari dengan usaha memartabatkan sosioekonomi ummah melalui institusi wakaf.
- (a) Projek Pembangunan tanah wakaf yang telah dijalankan sehingga sekarang adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Projek	Jenis Pembangunan	Usahasama/ Pembiayaan	Nilai (RM)
1	Pembangunan di atas Lot 3117, 252 & 200	Cadangan 384 unit Pangsapuri Mampu Milik 10	Usahasama dengan UDA Sdn. Bhd.	120 Juta

	(Taman Wakaf Seetee Aisah Fasa 2), Mukim 4, Seberang Jaya, SPT, Pulau Pinang	tingkat dan 150 Rumah Pangsa Kos Rendah 10 tingkat, 20 unit ruang niaga 4 tingkat, Dewan dan surau 1 tingkat		
2	Pembangunan Lot 1444 (Taman Wakaf Seetee Aisah Fasa 1), Mukim 4, Jalan Tun Hussein Onn, Seberang Jaya, SPT, Pulau Pinang	Pembinaan 76 unit rumah teres 2 tingkat dan 9 unit kedai 3 tingkat	Usahasama dengan UDA Sdn. Bhd.	21 Juta
3	Pembangunan Lot 1525, Seksyen 9W, Pangsapuri Wakaf Khan Mohamed, Jalan Perak	1 Blok Pangsapuri 32 unit	Usahasama dengan JKP Sdn. Bhd.	3.2 Juta
4	Pembangunan Taman Kuala Bekah di atas tanah Baitulmal lot 2470, Mukim 4, SPU, Pulau Pinang	Pembinaan 43 unit Rumah Teres 2 Tingkat	Usahasama dengan UDA Sdn. Bhd.	19 Juta
5	Pembangunan tanah wakaf Siti Binti Abdul	Pangsapuri 77 unit 14 tingkat	JAWHAR	28 Juta

	Rahman di atas Lot 1093 & 1094, Mukim 12, Sungai Nibong, DBD (Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajjah Norijah, Sungai Nibong)			
6	Pembangunan tanah wakaf di atas Lot 6247 & 6249, Mukim 7, SPU (Pangsapuri Wakaf An-Nur, Teluk Air Tawar)	Perumahan Mampu Milik 152 unit 2 blok, 8 dan 12 tingkat	JAWHAR	47 Juta
7	Pembangunan tanah wakaf Muhammad Hashim bin Haji Abdullah di atas Lot 192, Jalan Kelisa Emas 4, Mukim 1, Seberang Jaya, SPT, Pulau Pinang (Pangsapuri Wakaf Mohamed Hashim)	Perumahan Mampu Milik 68 unit 11 tingkat	Usahasama dengan UDA Sdn. Bhd.	20 Juta
8	Lot 247 (Maahad Al-	Blok Pentadbiran, Perpustakaan,	JAWHAR	42 Juta

	Mashoor Al-Islami), Jalan Sungai Nipah, Mukim G, Balik Pulau, DBD, Pulau Pinang.	Bilik Kelas, Asrama Lelaki/Perempuan, Dewan Makan dan STP		
9	Sebahagian Lot 4811, Mukim 7, Permatang Tok Gelam, SPU, Pulau Pinang	Kompleks Darul Hidayah yang merangkumi 1 blok bangunan 3 tingkat asrama/akademik, dewan 1 tingkat dan surau 1 tingkat	MAINPP	6.8 Juta
Jumlah Keseluruhan				RM 307 Juta

- (b) Setiap perancangan pembangunan hartanah wakaf oleh WPPSB akan dirujuk kepada mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang supaya perancangan pembangunan yang dirancang menepati tujuan wakaf mengikut panduan hukum syarak sejajar dengan amanah pewakaf. Manfaat wakaf akan diagihkan mengikut sebagaimana tujuan atau syarat yang telah ditentukan oleh pewakaf bagi harta wakaf yang berkenaan selaras dengan kehendak hukum syarak. Setiap perancangan pembangunan hartanah wakaf oleh WPPSB akan melibatkan 6 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) seperti berikut:

Goals 1: No Poverty

Goals 3: Good Health and Well-Being

Goals 4: Quality Education

Goals 7: Affordable and Clean Energy

Goals 8: Decent Work and Economic Growth

Goals 11: Sustainable Cities and Communities

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

20. Apakah perancangan strategik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di dalam meringankan bebanan orang Islam bagi memiliki rumah di Pulau Pinang?
- (a) Apakah formula dan kaedah yang digunakan oleh MAINPP di dalam menentukan keuntungan yang diperolehi oleh pihak pemaju, MAINPP dan Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPP) di dalam setiap projek usaha sama?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Perancangan strategik MAINPP di dalam meringankan bebanan orang Islam bagi memiliki rumah di Pulau Pinang adalah melalui **Program Pembangunan Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Milik** di atas tanah- tanah wakaf. Sebagai contoh sebanyak **150 unit** rumah kos rendah sedang dalam pembinaan bagi projek Seete Aisah 2 dan unit - unit lain yang di khas kepada asnaf seperti 25 unit di Wakaf Siti dan Hajah Norijah Sungai Nibong.
- (a) Pembangunan tanah wakaf di Pulau Pinang adalah melalui model Pembangunan secara usahasama dengan pemaju Badan Bukan Kerajaan (GLC) dan swasta. Melalui konsep ini, pihak pemaju perlu menyediakan sumber kewangan secara keseluruhan bagi Pembangunan projek tersebut dimana pihak pemaju tidak dibenarkan memajak tanah wakaf tersebut bagi tujuan pembiayaan. Pulangan ataupun manfaat yang diperolehi oleh MAINPP adalah bilangan unit Pembangunan berdasarkan sekurang-kurangnya nilai harga tanah semasa oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPP) dibayar yuran pengurusan dan pentadbiran berdasarkan peranan WPP sebagai pelaksana projek bagi pihak MAINPP. Keuntungan pemaju ataupun pulangan modal pihak pemaju adalah berdasarkan Nilai Kasar Pembangunan setelah ditolak Nilai Kasar Pembinaan dan juga pulangan manfaat kepada MAINPP beserta kos kos lain yang perlu ditanggung oleh pihak pemaju.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

21. Apakah peranan yang dimainkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di dalam membantu usahawan Muslim di dalam aspek penyewaan dan pemilikan premis perniagaan serta bantuan modal pusingan perniagaan mereka?
- (a) Apakah langkah MAINPP di dalam membantu para peniaga yang menghadapi kekangan untuk memenuhi syarat minimum di dalam isu permohonan sijil halal di Pulau Pinang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Peranan yang dimainkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) sentiasa perihatin dalam membantu dan memajukan kumpulan usahawan asnaf. Antaranya melalui bantuan modal pusingan, peralatan perniagaan (bantuan sehingga RM10.000.00) dan penganjuran pelbagai kursus yang menjurus kepada kemahiran perniagaan, perakaunan, komunikasi dan pendigitalan. Termasuk juga penyertaan dalam *MICE* di peringkat negeri dan antarabangsa seperti *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) 2024, Expo PERDA (EXPERT) 2024 dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, MAINPP tidak menyediakan bantuan dalam bentuk penyewaan dan pemilikan premis. Hal ini kerana syarat kelayakan untuk skim bantuan usahawan ini mesti telah mempunyai premis. Di samping itu, syarat lain yang turut dikenakan adalah syarikat telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya 6 bulan serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

(SSM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi kategori asnaf yang tidak mempunyai premis seperti peniaga di gerai tepi jalan, ZPP atau MAINPP boleh mempertimbang untuk memberikan bantuan secara “one-off” sama ada dalam bentuk kewangan dan peralatan. Sebaliknya bagi peniaga yang berpotensi serta mempunyai premis, ZPP, MAINPP akan berusaha membantu sehingga berjaya mendapat pensijilan halal.

- (a) Selain itu, ZPP dengan kerjasama Penang Halal International (PHI) juga akan membantu usahawan Muslim yang menghadapi kekangan untuk mendapatkan sijil Halal dengan pelbagai cara di samping menawarkan beberapa insentif seperti berikut:-
 - (i) Skim Khas Suntikan Modal Perniagaan bertujuan memberikan suntikan tambahan bagi modal perniagaan kepada peserta yang layak (RM2,000.00); dan
 - (ii) Skim Sukses Halal sebagai insentif kepada peserta yang berjaya mendapatkan sijil pengesahan Halal Malaysia (RM2,000.00).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

22. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menggubal akta berkaitan pengawalan arak dan alkohol seperti Akta Pengawalan Arak, *Liquor Control (Supply and Consumption) Act 2015* di Singapura bagi mengawal kes kemalangan jalan raya disebabkan oleh pemandu mabuk yang kerap berlaku di Negeri Pulau Pinang sehingga hari ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Berdasarkan maklum balas pihak Jabatan Kewangan Negeri (JKN) Pulau Pinang, penggubalan akta atau peraturan berkaitan penjualan arak dan alkohol adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk menggubal akta berkaitan pengawalan arak dan alkohol seperti Akta Pengawalan Arak, *Liquor Control (Supply and Consumption) Act 2015* seperti di Singapura bagi mengawal kes kemalangan jalan raya disebabkan oleh pemandu mabuk. Penggubalan akta adalah di bawah Kerajaan Persekutuan melalui kelulusan di peringkat Parlimen.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

23. Senaraikan bilangan premis-premis yang menjual minuman beralkohol mengikut DUN.
- (a) Apakah program yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri di dalam membendung masalah ketagihan arak yang menyebabkan keruntuhan institusi keluarga dan masyarakat?
 - (b) Adakah arak atau minuman beralkohol disajikan di dalam majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Senarai bilangan premis-premis yang menjual minuman beralkohol mengikut DUN di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandang serius dalam membendung masalah ketagihan arak dengan mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan aktiviti penjualan arak di negeri ini. Langkah-langkah tersebut adalah:
 - (i) Menetapkan kriteria-kriteria khusus yang ketat dalam memberikan ulasan permohonan lesen arak bagi memastikan tiada isu kacau ganggu atau isu sosial dalam kalangan penduduk tempatan;
 - (ii) Menetapkan syarat-syarat yang ketat bagi penjualan arak kepada pemegang lesen bagi mengelakkan penjualan arak berlaku secara berleluasa;

- (iii) Menjalankan operasi pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pulau Pinang di premis-premis yang menjual arak; dan
 - (iv) Membatalkan lesen perniagaan yang mematuhi syarat-syarat pelesenan.
- (b) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan W.P 5.1: Peraturan Mengenai Keraian Rasmi dan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 4 Tahun 2022: Peraturan Mengenai Keraian Rasmi Kerajaan Dan Jamuan Keraian Pejabat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak membenarkan hidangan arak atau minuman keras di dalam majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri.

LAMPIRAN A

BIL.	DUN	BILANGAN LESEN
1.	PENAGA	3
2.	BERTAM	3
3.	PINANG TUNGGAL	0
4.	PERMATANG BERANGAN	12
5.	SUNGAI DUA	10
6.	TELOK AIR TAWAR	28
7.	SUNGAI PUYU	24
8.	BAGAN JERMAL	26
9.	BAGAN DALAM	18
10.	SEBERANG JAYA	40
11.	PERMATANG PASIR	0
12.	PENANTI	9
13.	BERAPIT	10
14.	MACHANG BUBOK	19
15.	PADANG LALANG	38
16.	PERAI	67
17.	BUKIT TENGAH	126
18.	BUKIT TAMBUN	17
19.	JAWI	24
20.	SUNGAI BAKAP	38
21.	SUNGAI ACHEH	5
22.	TANJONG BUNGA	55
23.	AIR PUTIH	3
24.	KEBUN BUNGA	45
25.	PULAU TIKUS	69
26.	PADANG KOTA	64
27.	PENKALAN KOTA	34

BIL.	DUN	BILANGAN LESEN
28.	KOMTAR	213
29.	DATOK KERAMAT	96
30.	SUNGAI PINANG	49
31.	BATU LANCHANG	10
32.	SERI DELIMA	7
33.	AIR ITAM	44
34.	PAYA TERUBONG	36
35.	BATU UBAN	16
36.	PANTAI JEREJAK	26
37.	BATU MAUNG	50
38.	BAYAN LEPAS	184
39.	PULAU BETONG	0
40.	TELOK BAHANG	13
JUMLAH KESELURUHAN		1531

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

24. Senaraikan bilangan kes Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut kategori pemimpin negeri, kakitangan awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di Pulau Pinang yang telah didakwa di mahkamah dan masih disiasat.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membanteras kes rasuah di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

24. Statistik Siasatan SPRM melibatkan **Pemimpin Negeri** di Pulau Pinang:
- (i) Sepanjang tahun 2020 sehingga Oktober 2024, SPRM telah menerima sebanyak 62 maklumat yang meliputi pelbagai kesalahan melibatkan pemimpin Negeri Pulau Pinang. Daripada keseluruhan maklumat tersebut, sebanyak 37 maklumat adalah maklumat yang berunsur rasuah dan 25 adalah maklumat yang tidak berunsur rasuah. Bagi maklumat tidak berunsur rasuah ini terdapat Kertas Penyiasatan Tatakelola oleh SPRM yang telah dibuka dan dirujuk kepada jabatan dan agensi penguatkuasa yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Pecahan maklumat melibatkan Pemimpin Negeri di Pulau Pinang mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Maklumat Berunsur Rasuah	Maklumat Tidak Berunsur Rasuah
2020	15	9
2021	11	3
2022	7	6
2023	2	4
2024	2	3
Jumlah	37	25

- (ii) Manakala bagi 37 maklumat berunsur rasuah tersebut, sebanyak 5 Kertas Siasatan telah dibuka dan 32 diambil tindakan lain seperti tindakan perisikan dan lain-lain tindakan operasi. Sepanjang tempoh yang sama SPRM telah membuat sebanyak 4 tangkapan dan 1 pertuduhan.

Tahun	Kertas Siasatan	Lain-Lain Tindakan Operasi	Tangkapan	Tuduh	Sabitan
2020	4	11	2	1	0
2021	0	11	0	0	0
2022	1	6	2	0	0
2023	0	2	0	0	0
2024	0	2	0	0	0
Jumlah	5	32	4	1	0

Statistik Siasatan SPRM melibatkan **Penjawat Awam** di Pulau Pinang:

- (i) Sepanjang tahun 2020 sehingga Oktober 2024, SPRM telah menerima sebanyak 991 maklumat yang meliputi pelbagai kesalahan melibatkan Penjawat Awam di Pulau Pinang. Daripada keseluruhan maklumat tersebut, sebanyak 493 maklumat adalah maklumat yang berunsur rasuah dan 498 adalah maklumat yang tidak berunsur rasuah. Bagi maklumat tidak berunsur rasuah ini terdapat Kertas Penyiasatan Tatakelola yang dibuka oleh SPRM dan dirujuk kepada jabatan dan agensi penguatkuasa yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Pecahan maklumat melibatkan Penjawat Awam di Pulau Pinang mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Maklumat Berunsur Rasuah	Maklumat Tidak Berunsur Rasuah
2020	154	149
2021	112	106
2022	71	103
2023	65	88
2024	91	52
Jumlah	493	498

- (ii) Manakala bagi 493 maklumat berunsur rasuah tersebut, sebanyak 143 Kertas Siasatan telah dibuka dan 350 diambil tindakan lain seperti tindakan perisikan dan lain-lain tindakan operasi. Sepanjang tempoh yang sama SPRM telah membuat sebanyak 143 tangkapan dengan 51 pertuduhan dan 32 sabitan.

Tahun	Kertas Siasatan	Lain-Lain Tindakan Operasi	Tangkapan	Tuduh	Sabitan
2020	37	117	30	11	12
2021	25	87	20	14	8
2022	18	53	13	7	2
2023	22	43	20	8	6
2024	41	50	60	11	4
Jumlah	143	350	143	51	32

Statistik Siasatan SPRM melibatkan **Syarikat Berkaitan Kerajaan** di Pulau Pinang Bagi Tempoh 2020 hingga Oktober 2024:

- (i) Sepanjang tahun 2020 sehingga Oktober 2024, SPRM telah menerima sebanyak 23 maklumat yang meliputi pelbagai kesalahan melibatkan Syarikat Berkaitan Kerajaan di Pulau Pinang. Daripada keseluruhan maklumat tersebut, sebanyak 13 maklumat adalah maklumat yang berunsur rasuah dan 10 adalah maklumat yang tidak berunsur rasuah. Bagi maklumat tidak berunsur rasuah ini ada yang dibuka Kertas Penyiasatan Tatakelola oleh SPRM, dirujuk kepada jabatan dan agensi penguatkuasa yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Pecahan maklumat melibatkan Syarikat Berkaitan Kerajaan di Pulau Pinang mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Maklumat Berunsur Rasuah	Maklumat Tidak Berunsur Rasuah
2020	1	3
2021	3	1
2022	6	0
2023	2	2
2024	1	4
Jumlah	13	10

- (ii) Manakala bagi 13 maklumat berunsur rasuah tersebut, sebanyak 1 Kertas Siasatan telah dibuka dan 12 diambil tindakan lain seperti tindakan perisikan dan lain-lain tindakan operasi. Sepanjang tempoh yang sama SPRM telah membuat sebanyak 1 tangkapan dan 1 pertuduhan.

Tahun	Kertas Siasatan	Lain-Lain Tindakan Operasi	Tangkapan	Tuduh	Sabitan
2020	0	1	0	1	0
2021	0	3	0	0	0
2022	0	6	0	0	0
2023	0	2	0	0	0
2024	1	0	1	0	0
Jumlah	1	12	1	1	0

- (a) Usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam membanteras kes rasuah di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Mendapat persijilan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System* (ABMS). ABMS merupakan sistem kawalan dalaman organisasi bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambah baik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan. Ia juga merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah yang mungkin dihadapi. *Standard* ini direka untuk membantu organisasi bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*) bahawa Kerajaan Negeri mempunyai amalan dan inisiatif antirasuah yang mencukupi dan dilaksanakan sebaiknya.
 - (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2024. Sebanyak 43 inisiatif telah dirangka, dilaksanakan dan dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri Pulau Pinang.

- (iii) Kerajaan Negeri telah membangunkan Polisi Antirasuah sebagai panduan bagi menangani isu berkaitan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan di samping menerangkan secara terperinci kesalahan rasuah serta mekanisme pelaporan rasuah.
- (iv) Kerajaan Negeri juga telah membangunkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membolehkan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Negeri / Agensi, mana-mana penjawat awam dan orang awam (pemberi maklumat) untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku tanpa rasa gentar terhadap sebarang tindak balas agar masalah dapat ditangani dengan efektif dan segera.
- (v) Selain itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program pengukuhan integriti secara tahunan seperti berikut:
 - 1) Program Bicara Integriti Perkhidmatan Awam;
 - 2) Program Tahsin Integriti;
 - 3) Kursus *1st Class Integrity*; dan
 - 4) Seminar Kelestarian Integriti dan Antirasuah (SKIA).
- (vi) Kerajaan Negeri juga telah mengadakan kursus pemantapan kompetensi dan sahsiah seperti berikut:
 - 1) Program Transformasi Minda;
 - 2) Kursus Akta Kontrak 1950;
 - 3) Kursus Asas Perolehan;
 - 4) Kursus Terimaan Hasil;
 - 5) Kursus Asas-Asas Kewangan;
 - 6) Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan;
 - 7) Budaya Kerja Kelas Pertama; dan
 - 8) Program Pembangunan Prestasi dan Kesejahteraan Pegawai Berprestasi Tinggi.

- (vii) Kerajaan Negeri telah menerima pakai Ceraian MyPPSM UP.7.2.5 Polisi Pengurusan Penerimaan atau Pemberian Hadiah, Keraian dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam bagi menggalakkan Pegawai Kerajaan melaporkan penerimaan hadiah, meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan seterusnya menggalakkan budaya integriti di dalam jabatan / agensi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

25. Senaraikan sumbangan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) secara langsung, tidak langsung atau dalam bentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan GLC yang rugi dan apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

25. Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) yang telah memberikan sumbangan kepada Kerajaan Negeri sama ada secara langsung atau tidak langsung mahupun melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) sejak tahun 2020 hingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Terdapat 16 buah GLC di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Sebanyak 17 buah GLC ini menerima geran tahunan daripada Kerajaan Negeri dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berorientasikan bukan keuntungan (*non-profit activities*). Kebanyakan GLC ini menggunakan geran yang disediakan untuk melaksanakan program-program dan menampung sebahagian daripada kos operasi mereka.

Bagi mengatasi masalah kewangan yang dihadapi oleh beberapa GLC yang menjalankan aktiviti bukan berteraskan keuntungan, antara langkah-langkah yang boleh diambil adalah seperti berikut:

(i) Penyediaan Peruntukan yang Mencukupi

Memastikan bahawa peruntukan yang mencukupi dapat disediakan bagi menampung kos operasi dan program-program yang dijalankan oleh GLC.

(ii) Integrasi Aktiviti dan Program

GLC disarankan untuk mengintegrasikan aktiviti dan program yang dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan serta mengoptimumkan penggunaan sumber. Langkah ini secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan kos operasi dan memaksimumkan impak program yang dijalankan.

(iii) Penjanaan Dana Melalui Kerjasama dengan Sektor Swasta

GLC disarankan untuk menjalin kerjasama dengan pihak swasta melalui usaha sama (*joint ventures*) dan program penjanaan dana. Inisiatif ini dapat membantu mengurangkan beban kewangan serta memperluas pelaksanaan aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat.

LAMPIRAN A

SUMBANGAN GLC SECARA LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG ATAU DALAM BENTUK TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DARI TAHUN 2022 SEHINGGA KINI

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
1.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.		<p>Fokus operasi utama bagi Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) adalah menjalankan pelbagai inisiatif pembangunan belia dan tidak berorientasikan keuntungan, dengan matlamat memperkasa golongan belia di Pulau Pinang. Pelbagai inisiatif teras yang dilaksanakan oleh pihak PYDC dan boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk memperkasa golongan belia di Pulau Pinang melalui program-program pembangunan kemahiran, keusahawanan, kesukarelawanan, kepimpinan dan sebagainya. Melalui inisiatif teras pihak PYDC, PYDC berusaha untuk membentuk belia yang berkualiti secara holistik dan mampu menyumbang secara positif kepada komuniti dan negeri. Antara program signifikan yang dilaksanakan oleh pihak PYDC adalah seperti dilampirkan secara ringkas dan menyeluruh.</p>
		2020	<ul style="list-style-type: none"> - Siri Bengkel Penerokaan Kerjaya - Siri Perkongsian Kerjaya oleh Pakar Industri Secara Dalam Talian - Siri Perkongsian Usahawan Dalam Mengatasi Cabaran Covid-19 - Siri Bengkel Kemahiran seperti Bengkel Penulisan Isi Kandungan & Penyiaran Langsung; Bengkel <i>LiveNOW KOL Training</i>; Bengkel E-dagang; Bengkel <i>Python Programming Essentials</i> (Secara Atas Talian); Bengkel <i>Problem Solving Through Thinking Skills</i>; Bengkel <i>Self-Leadership: Leading to Personal Excellence</i>; Bengkel Strategi Laman Web dan Penyuntingan Video; Bengkel <i>Effective Time Management Strategies</i>; Bengkel <i>Communication and Interpersonal Skills</i>; Bengkel <i>Professional Image and Grooming</i>; Bengkel <i>Basic Graphic Design Skills</i> dan sebagainya

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
			<ul style="list-style-type: none"> - Siri program Kisah Usahawan Belia - Portal Pekerjaan Percuma : platform We Want You - Siri Pertandingan Penulisan (Column Writing) - Siri Klinik Bimbingan Belia - Siri Sesi Perkongsian Atas Talian Bidang Akademik - Siri Kesedaran Sivik seperti Bengkel Demokrat Muda dan Sidang Muda - Siri Program Sukarelawan Belia Pulau Pinang seperti program Khidmat Gotong Royong, program Kitar Semula dengan Tzu Chi Association, program Lawatan ke Rumah Orang Tua, Kursus Pertolongan Cemas dan sebagainya. - Pertandingan Keusahawanan Belia (YEC)
		2021	<ul style="list-style-type: none"> - Siri Projek Seni Mural seperti di Taman Riang, Taman Dahlia, Penanti dan sebagainya - Siri Bengkel Pemerkaasan Kemahiran seperti <i>The Art of Self-Coaching, Personal Financial Planning; Innovative and Resilient Mindset; Public Speaking; Develop Amazing Social Skills, Crisis Leadership, Managing Transition Effective Learning, Critical Thinking and Effective Problem Solving</i> dan sebagainya. - Pameran Kerjaya Maya - Siri Bengkel Keusahawanan (<i>Workshop4StartUp</i>)

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
			<ul style="list-style-type: none"> - Pertandingan Keusahawanan Belia - Forum Keusahawanan Belia - Siri Bengkel Kemahiran Digital seperti <i>Web Development Training Programme, Website Development Mentorship, Living Style in Cloud with 5G</i> dan sebagainya. - Siri Bengkel Pemerksaan Kemahiran. - Siri program penglibatan Sukarelawan Belia Pulau Pinang termasuk pengagihan bantuan makanan, misi bantuan bencana banjir di Pahang - Program E-Sukan - Siri Kesedaran Sivik (Calon -18)
		2022	<ul style="list-style-type: none"> - Siri Program Penang <i>Young Digital Talent</i> seperti <i>Penang Young Digital Talent Award & Web Design Competition Finale, Global Online Workforce Workshop (GLOW) Freelancing Do's and Don'ts, Vocational College Business Web Design Competition; Digithon Youth Festival (DYF), 3 Day Web Development Program + Freelancer Training (GLOW), Penjana KPT Pace - Cert in Digital Business Transformation</i> dan sebagainya - Siri Bengkel Keusahawanan : Bengkel Perlesenan MBPP; Bengkel Kepentingan Rumusan Eksekutif Produk dan Servis Perniagaan, Bengkel Pemasaran Untuk Perniagaan, Bengkel Kewangan dan Peruntukan Perniagaan, <i>Youth Entrepreneurship Forum</i> dan sebagainya - Siri inisiatif temuduga terbuka bersama industri - Siri Kempen UNDI 18 - Siri Kesedaran Sivik : Bengkel Demokrat Muda & Sidang Muda - Siri Penglibatan Sukarelawan Belia Pulau Pinang seperti Siri Program Pembersihan Persekitaran, Latihan Pertolongan Cemas, Pembersihan Rumah Kediaman Orang Tua, Siri Kursus Pemerksaan Kemahiran, Siri Projek Seni Mural, dan sebagainya

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
			<ul style="list-style-type: none"> - Siri Projek Seni Mural seperti di Batu Uban : Icons Of Penang - Siri Bengkel Seni seperti Oil Painting, Kaligrafi Cina, Wau Bulan, Wayang Kulit dan sebagainya - Siri Bengkel Videografi - Siri Program E-Sukan dan sebagainya
		2023	<ul style="list-style-type: none"> - Siri Bengkel Penerokaan Kerjaya 2023 - Pertandingan Keusahawanan Belia Peringkat Kebangsaan 2023 - Persidangan Belia Antarabangsa Ke-3 - Siri Program Kisah Usahawan Belia - Program Bubur Lambuk Pusat Belia Bertam - Kelas Tuisyen Bahasa Inggeris & Matematik B40 & M40 Pusat Belia Seberang Jaya - Siri Program Bengkel Persediaan dan Persidangan Sidang Muda 2022/2023 - Siri Penglibatan Sukarelawan Belia Pulau Pinang seperti Plogging Bersama PERDASAMA di Pulau Gazumbo, Program Komuniti di Pusat Penjagaan Ceria, Projek Sayangi Pantai Kita Bersama KV Seberang Perai, Pembuatan Kuih Raya kepada Komuniti, Latihan Asas Kebakaran & Keselamatan, Kursus Asas Bahasa Isyarat Malaysia (The Colourful Run), kempen CPR & AED 2023 dan sebagainya - Siri Projek Seni Mural seperti di Malaysia Book of Records Woodhaven, Jalan Betik dan sebagainya - Siri Bengkel Seni seperti Anyaman Ketupat dan Kraf Kolam dan sebagainya - Siri Bengkel Pertandingan Videografi - Siri Program E-Sukan dan sebagainya - Siri Bengkel Asas Drama Belia

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
		2024	<ul style="list-style-type: none"> - Siri Penglibatan Sukarelawan Belia Pulau Pinang seperti Kempen Sehari Latihan Jati Diri Bersama BOMBA, Bengkel Asas Bencana Alam, Latihan Community Health Ambassador, Misi Bantuan Gangguan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang, Program <i>Let's Clean It Up</i>, Program Memasak dan Mengagih Mee Sotong kepada Komuniti, dan sebagainya - Siri Program Jelajah Belia 2024 seperti Sembang Santai @ Kampung Baru Alma, Ihya' Ramadhan IKRAM, Singgah Sahur @ Permatang Pasir, Konvoi @ Balik Pulau, BBQ & Sembang Santai Sungai Bakap, dan sebagainya - Siri Program Kesedaran Sivik seperti Bengkel Bangsa Malaysia dan Persidangan Sidang Muda - Siri Program Keusahawanan seperti Bengkel Persediaan dan Pertandingan Keusahawanan Belia Peringkat Negeri 2024 - Siri Program E-Sukan dan sebagainya - Siri Program Belia Berirama seperti <Tarian Meriah Malaysia-China> Pertandingan Tarian Tradisional Zon Utara Malaysia 2024 dan Pertandingan Merdeka <i>Talent Show</i> 2024

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
2.	Penang FC Sdn. Bhd.	2021	<ul style="list-style-type: none"> - Program Dari Penyokong kepada Penyokong, program CSR yang melibatkan pemain-pemain Penang FC berjumpa dan melaksanakan aktiviti-aktiviti riadah. Penang FC membawa nama negeri Pulau Pinang mengeratkan silaturahim bersama penduduk-penduduk tempatan. - Penyewaan Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan dan Stadium Bandaraya Pulau Pinang untuk perlawanan-perlawanan Penang FC membantu menjana pendapatan melalui penggunaan Penang FC
		2022-2024	<ul style="list-style-type: none"> - Pengedaran kurma dengan jumlah yang besar sempena bulan Ramadhan kepada golongan sasaran yang memerlukan sebagai aktiviti CSR kelab dengan jalinan kerjasama bersama Syarikat Saudagar Kurma. - Program Ambang Tahun Baru- satu program yang dianjurkan bersama Masjid Jamek Hashim Yahaya, dimana Pemenang Anugerah Puskas, Mohd Faiz bin Subri dan pemain-pemain Penang FC telah terlibat dalam program ini. - Program Ceramah Perdana Masjid Negeri Pulau Pinang bersama Ustaz Wadi Anuar - Program CSR Pemberian Kerusi Roda kepada yang memerlukan hasil kerjasama dengan syarikat kolaborasi Total Protection Insurance Agency - Kolaborasi Haramain Penang FC x TRA Holidays Umrah Group-Penang FC bersetuju supaya bintang PUSKAS negara dilantik sebagai Duta Umrah, dalam mempromosi aktiviti Umrah, bukan sahaja dikalangan umat Islam di negeri Pulau Pinang. - Penang FC bersama Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang, MFL dan Shekinah PR Sdn Bhd telah berjaya menganjurkan program sumbangan bola kualiti tinggi bertaraf FIFA kepada 28 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
3.	PGC Strategies Sdn. Bhd.	2020-2024	<p>PGC Strategies Sdn Bhd (Penang Green Council) adalah anak syarikat yang berasaskan keuntungan dari segi sosial (<i>Social Profit Organization</i>) ditubuhkan sejak 2011 dan memainkan peranan dalam memperkasa, memperkaya serta menjalankan advokasi kepada pihak berkepentingan untuk mengamalkan pembangunan mampan demi melindungi dan menjaga alam sekitar dan kualiti kehidupan rakyat Pulau Pinang. PGC merupakan satu-satunya anak Syarikat yang memberi fokus kepada pembangunan lestari dan kesejahteraan alam sekitar yang ditubuhkan oleh Kerajaan negeri di Malaysia. PGC adalah memainkan dua peranan yang penting seperti berikut : -</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam penggubalan polisi dan dasar hijau, menjalankan kerja penyelidikan, dan advokasi terutamanya dalam sektor pembangunan lestari dan mampan. 2) Menjalankan atau menganjurkan program / kempen kesedaran awam yang memupuk semangat mencintai alam sekitar. <p>Sejak penubuhan PGC pada tahun 2011 sehingga kini, PGC adalah giat menjalan program/ kempen kesedaran awam yang memupuk semangat mencintai alam sekitar. Antara program-program yang telah bermula dalam jangka masa 3 tahun ini telah berjaya menjadi program <i>flagship</i> PGC sehingga kini. Sebagai contohnya: Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang, Pejabat Hijau Pulau Pinang, Anugerah Kewartawanan Hijau Pulau Pinang, <i>Penang Green Citizen</i>, Kem dan bengkel alam sekitar, sesi taklimat serta acara tahunan seperti Karnival Hijau dan Sambutan Hari Bumi. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PGC telah memperkenalkan insentif-insentif hijau seperti Anugerah Pemuliharaan Alam Sekitar Pulau Pinang, Anugerah Kemampanan Alam Sekitar Pulau</p>

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
			<p>publisiti dalam membantu kerajaan negeri untuk menjalankan promosi bersama kedua-dua pihak berkuasa tempatan. Pada masa yang sama, PGC turut mengadakan program-program komuniti yang telah menerapkan prinsip Pengasingan Sisa di Punca, contohnya, kempen pendidikan rumah-ke-rumah, program Halaman Kampung terbersih, serta taklimat bersama komuniti dan pelbagai lapisan masyarakat yang dijalankan sepanjang tahun.</p> <p>Dalam tempoh pasca-Covid (2021-2022), PGC berjaya mentransformasikan kebanyakan program tahunan kepada format dalam talian supaya orang awam masih dapat mengakses kepada maklumat alam sekitar. Susulan daripada pelancaran Agenda Hijau Pulau Pinang, PGC juga telah membantu menubuhkan Unit Pengurusan Bencana Negeri di Pulau Pinang. Pada masa yang sama, PGC telah bermula dengan kerja-kerja perundingan bersama Kementerian dalam Negera dan Luar Negara. PGC turut giat melibatkan diri dalam seminar antarabangsa bagi mempertingkatkan lagi Pulau Pinang di mata dunia.</p> <p>Antara kerjasama yang melibatkan pemegang taruh antarabangsa termasuk “SEA Circular Stakeholder Consultation”, “Circular Cities Stakeholder Consultation”, “Climate Modelling and GHG Training for Early Career Researchers” dan “Science for Climate Action Seminar”.</p> <p>Sejak tahun 2022 sehingga kini, PGC telah melancarkan Program Industri Hijau Pulau Pinang yang memberi tumpuan ke atas konsep ESG bagi tujuan membimbing industri tempatan supaya mempunyai daya saing dalam pasaran global. PGC telah berjaya menganjurkan persidangan “Green Finance” yang pertama di Pulau Pinang beirkutan dengan Persidangan ESG and Bengkel Pembangunan Kapasiti ESG serta Persidangan dan Pameran Antarabangsa pada tahun 2022, 2023 dan 2024.</p>

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
4.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	2023	Sumbangan CSR : RM5,000.00 – Kejohanan Sukan Nasional (SUKNA) Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Malaysia kali ke-20
		2024	Sumbangan CSR : RM1,500.00 – Program Sambutan Hari Perancangan Sedunia Tahun 2024
5.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2020-2024	<p>1. Penyediaan pendidikan teknologi kepada komuniti:</p> <p>Digital Penang telah melaksanakan klinik digital percuma yang terbuka kepada semua peringkat komuniti, bertujuan untuk meningkatkan literasi digital di kalangan masyarakat. Kelas-kelas digital ini dikhususkan kepada penggunaan aplikasi teknologi harian yang sering digunakan dalam kehidupan seharian, seperti platform e-dagang dan media sosial. Melalui klinik digital ini, komuniti diberi peluang untuk mempelajari kemahiran digital yang diperlukan untuk meningkatkan produktiviti serta memanfaatkan peluang dalam ekonomi digital. Semenjak tempoh pelaksanaan dari 2020, sebanyak 600 kelas telah dianjurkan, melibatkan lebih 13,000 ahli komuniti.</p> <p>2. Penyediaan platform kepada badan – badan NGO dan sukarelawan:</p> <p>Platform DahDerma yang diwujudkan pada 2021 oleh Digital Penang bertujuan membantu NGO dalam mendapatkan sokongan kewangan dan memperluaskan jaringan mereka dengan sukarelawan yang berkemahiran. Melalui platform ini, NGO dapat memaparkan keperluan projek mereka, berkongsi kemas kini aktiviti, dan berhubung secara langsung dengan dermawan serta individu yang berminat untuk menyumbang tenaga.</p>

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
			<p>3. Program keusahawanan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Digital Penang juga menawarkan program – program percuma bagi usahawan mikro, kecil dan sederhana seperti Micro SME Level Up (MELUP) Programme yang merupakan sebuah program yang membantu pemilik – pemilik perniagaan untuk membantu pemilik perniagaan memperkukuh dan mengembangkan operasi mereka melalui pelbagai bentuk sokongan. Program ini menyediakan bantuan dalam aspek pengurusan perniagaan, pemasaran digital, dan penggunaan teknologi terkini untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing. Program ini telah menerima penyertaan lebih dari 150 peserta. b) Program Firststep bertujuan untuk membantu bakal pengasas baharu membina asas yang kukuh sebelum memulakan usaha perniagaan mereka. Program ini telah memperkenalkan lima modul penting yang meliputi topik-topik asas dalam keusahawanan dan perniagaan digital. Sebanyak 5 modul telah diajar kepada sekurang-kurangnya 15 peserta yang menyertai program ini, yang diadakan di Digital Penang dan Butterworth Digital Library. c) Digital Penang, dengan kerjasama JPWK, telah menganjurkan beberapa siri program keusahawanan wanita yang memberi tumpuan khusus kepada topik digitalisasi yang relevan untuk pengembangan perniagaan. Antara topik utama yang dibincangkan dalam program ini termasuk <i>Mastering Meta Ads Manager</i>, yang membantu peserta memahami dan memanfaatkan iklan berbayar di media sosial dengan berkesan, serta <i>How to Use ChatGPT for Sales and Marketing</i> untuk meningkatkan strategi pemasaran dan jualan digital

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
			<p>d) Digital Penang juga telah menganjurkan bengkel pemasaran digital Maxis eKelas Usahawan, yang memberi fokus kepada aspek-aspek penting dalam pemasaran digital. Bengkel ini merangkumi topik seperti strategi pemasaran digital, penulisan iklan, fotografi digital, dan perancangan kempen—semua elemen penting untuk meningkatkan keterlihatan dan daya saing perniagaan dalam talian. Program ini telah dirasmikan oleh YB Jagdeep Singh Deo.</p> <p>e) Digital Penang, bersama SigningCloud, telah menganjurkan program Become Digital Confidence yang bertujuan meningkatkan literasi digital dalam kalangan peserta. Program ini menekankan kepentingan literasi digital dan memberi panduan tentang cara menggunakan alat digital dengan selamat dan bijak.</p> <p>4. Program e-invoicing:</p> <p>Program ini bertujuan untuk membantu perniagaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) beralih ke sistem e-invois seperti yang diwajibkan oleh Kerajaan. Setakat ini, sebanyak 7 sesi latihan telah diadakan secara percuma, yang berjaya menarik lebih daripada 300 penyertaan daripada pelbagai sektor perniagaan. Melalui sesi-sesi ini, para peserta diberi pendedahan mengenai cara menggunakan e-invois, memahami kepentingan pematuhan kepada syarat perundangan, dan cara-cara mengintegrasikan e-invois dalam operasi perniagaan harian.</p> <p>5. Aplikasi PANTAU:</p> <p>Digital Penang telah membina sebuah aplikasi untuk memantau pergerakan <i>chariot</i> semasa perayaan Thaipusam. Aplikasi ini bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan kelancaran semasa acara perayaan dengan menyediakan maklumat masa nyata mengenai pergerakan <i>chariot</i>, yang boleh diakses oleh orang ramai dan pihak berkuasa. Melalui aplikasi ini, pengguna dapat memantau lokasi <i>chariot</i>, dan juga keadaan lalu lintas.</p>

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
			<p>6. Penglibatan awam: Digital Penang juga giat berinteraksi dengan orang awam untuk mempromosikan literasi digital dan meningkatkan kesedaran mengenai inisiatif-inisiatifnya. Usaha ini merangkumi pelbagai program seperti pembukaan reruai dan kelas digital percuma yang diadakan di Karnival Madani Zon Utara 2024, AEON Bukit Mertajam, Malaysian Urban Forum 2024, Karnival Gerak Belia, dan Expo 50+. Program-program ini bertujuan untuk memupuk kemahiran digital dalam kalangan komuniti, dengan memberikan pendedahan praktikal kepada alat-alat digital yang boleh memberi manfaat kepada individu dan perniagaan.</p> <p>7. Latihan keselamatan siber: Digital Penang telah menganjurkan latihan keselamatan siber selama dua hari khusus untuk pegawai-pegawai agensi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan digital, dengan modul yang merangkumi topik-topik seperti mengenali ancaman siber, memperkukuh langkah keselamatan digital, serta membentuk pelan mitigasi yang berkesan.</p> <p>8. Beach Clean Up 2023: Digital Penang, dengan kerjasama sukarelawan DahDerma dan pelajar-pelajar dari sekolah antarabangsa Dalat, telah menganjurkan aktiviti pembersihan pantai di Tanjung Bungah. Kolaborasi ini mencerminkan komitmen Digital Penang dalam menggalakkan nilai tanggungjawab sosial dan melibatkan lebih ramai pihak dalam usaha melindungi alam sekitar, selari dengan program-program CSR yang dijalankan untuk kesejahteraan komuniti.</p>

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
			<p>9. Karnival EmpowerNCER 2023:</p> <p>Karnival ini menawarkan pelbagai aktiviti seperti bengkel e-Kelas Usahawan (eKU) serta taklimat Geran PMKS Madani Mesin Kira dengan fokus kepada pengetahuan pendigitalan dan e-Dagang. Digital Penang merupakan rakan kolaborasi bagi program ini.</p> <p>10 Program untuk pengasas perniagaan/syarikat pemula:</p> <p>Digital Penang telah menganjurkan beberapa program yang dikhususkan untuk pengasas perniagaan atau syarikat pemula. Program-program ini bertujuan untuk memberi sokongan, peluang pembelajaran, dan rangkaian yang berguna kepada pengasas yang baru bermula. Berikut adalah program-program tersebut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Coffee and Curry Puff: Program ini merupakan acara pertemuan santai di mana pengasas perniagaan boleh bertemu, berkongsi idea, dan membina hubungan dalam persekitaran yang tidak formal. b) Founders' Meetup: Acara ini menawarkan peluang untuk pengasas perniagaan mendengar dan mempelajari pengalaman daripada pengasas yang telah Berjaya. c) Founders' Circle: Sesi yang direka khas untuk menyediakan ruang selamat bagi pengasas perniagaan untuk berbincang secara terbuka mengenai cabaran, kebimbangan, dan perasaan yang mereka alami. Sesi ini memberi peluang kepada pengasas untuk berkongsi pengalaman dan mendapatkan sokongan daripada rakan pengasas lain dalam persekitaran yang tidak menghakimi, sambil mencari penyelesaian terhadap isu-isu penting dalam perjalanan perniagaan mereka. d) Becoming a Startup Mentor: Program ini memberi peluang kepada usahawan yang berpengalaman untuk menjadi mentor kepada pengasas baru, membantu mereka mengatasi cabaran dan mengembangkan perniagaan mereka dengan lebih berjaya.

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
			Malaysia Virtual 2023 Founder Institute Programme: Sebuah program global yang menyediakan bimbingan dan sokongan kepada pengasas syarikat pemula. Ia membantu mereka mengubah idea menjadi perniagaan yang berjaya dengan akses kepada pendanaan, rangkaian global dan maklumbalas pakar.
6.	PICEB Sdn. Bhd.	2022-2024	Membantu komuniti yang terlibat dalam pengeluaran batik, cenderahati, makanan tempatan seperti jeruk, biskut tambun, dan pembekal-pembekal lain dengan memperkenalkan produk-produk mereka kepada penganjur acara perniagaan. Membantu penganjur dengan memperkenalkan agensi-agensi untuk penanaman semula pokok, <i>turtle sanctuary di Monkey Beach</i> .
7.	Invest-In Penang Berhad	2020	RM14.1 billion
		2021	RM76.2 billion
		2022	RM13.7 billion
		2023	RM63.4 billion
		2024	RM5.0 billion (Jan hingga Jun)
8.	Penang Halal International Sdn.Bhd	2021	Sumbangan mendepani Covid-19 (RM1,950.00)
		2022	Pemberian kurma bersempena bulan Ramadhan)

LAMPIRAN A

Bil.	Nama GLC	Tahun	Sumbangan secara langsung/tidak langsung / CSR
9.	Penang Tech Centre	2020-2024	<ul style="list-style-type: none"> - Program Pendidikan STEM - <i>Grand STEM Challenge</i> - Program <i>Women in Zcience</i>
		2021-2024	<ul style="list-style-type: none"> - <i>STEM Showcase</i>
		2023-204	<ul style="list-style-type: none"> - Program <i>Women in Science</i> - <i>Computer Science Inspire Programme (1st Year)</i> - <i>Digital Literacy Empowerment Program</i> - <i>Innospark Penang</i> - <i>lot Robotic Competition 2023-Medal</i> - <i>Junior Aviator Drone Chall 2023</i> - <i>Environmental Impact Challenge 2023</i> - <i>Stem Future Proofing Program</i> - <i>Techlympics 2023</i> - <i>Tamil School AI Robotic Program</i> - <i>Penang Digital Literacy Camp</i>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

26. Senaraikan dewan perniagaan atau pertubuhan perniagaan yang menarik pelaburan ke Pulau Pinang.
- (a) Berapakah pelaburan yang masuk untuk tahun 2024?
 - (b) Senaraikan aktiviti Kerajaan Negeri dengan mereka.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri melalui InvestPenang tidak mempunyai hubungan rasmi yang aktif dengan dewan perniagaan atau pertubuhan perniagaan dalam perkara menarik pelaburan.
- (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan pelaburan yang masuk pada tahun 2024 melalui dewan perniagaan atau pertubuhan perniagaan. Pelaburan ke Pulau Pinang biasanya disalurkan melalui hubungan langsung dengan pelabur asing dan domestik melalui InvestPenang dengan sokongan agensi pelaburan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Merujuk kepada laporan daripada MIDA, jumlah modal pelaburan swasta yang diluluskan bagi Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM13,101.7 juta dari tempoh Januari hingga Jun 2024 seperti di **LAMPIRAN A**

- (b) Tiada aktiviti khusus yang dilaksanakan bersama dewan perniagaan atau pertubuhan perniagaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong program-program yang memberikan manfaat kepada peniaga atau usahawan di Negeri Pulau Pinang melalui pemberian geran bagi pelaksanaan aktiviti oleh pihak persatuan atau badan bukan kerajaan (NGO).

LAMPIRAN A

Pelaburan Swasta Diluluskan Mengikut Negeri, Januari-Jun 2024 / Januari-Jun 2023 / Januari-Disember 2023

Ringgit Malaysia - RM

Negeri	Januari - Jun 2024				Januari - Jun 2023				Januari - Disember 2023			
	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM juta)*	Pelaburan Asing (RM juta)*	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)*	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM juta)*	Pelaburan Asing (RM juta)*	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)*	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM juta)*	Pelaburan Asing (RM juta)*	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)*
W.P. Kuala Lumpur	440	24,408.6	13,229.5	37,638.1	371	13,271.9	18,620.2	31,892.1	768	27,790.1	30,559.7	58,349.8
Selangor	822	22,417.0	12,549.8	34,966.9	663	18,263.9	11,956.6	30,220.5	1,319	37,926.0	17,337.4	55,263.4
Kedah	99	1,102.4	30,824.3	31,926.7	130	2,685.3	11,887.9	14,573.2	238	4,648.1	24,079.9	28,728.0
Pulau Pinang	243	8,787.8	4,313.9	13,101.7	189	5,225.8	3,631.2	8,857.1	415	10,230.6	61,651.3	71,881.9
Johor	396	4,963.7	7,972.2	12,935.9	422	4,525.7	9,722.5	14,248.1	751	12,053.7	31,002.2	43,055.9
Sarawak	146	5,432.5	1,407.2	6,839.6	133	5,699.9	3,451.7	9,151.7	267	13,502.6	7,814.7	21,317.3
Melaka	115	3,086.9	630.8	3,717.7	92	1,957.4	2,089.8	4,047.2	189	3,240.2	2,767.4	6,007.6
Perak	166	2,854.7	184.2	3,038.9	192	3,952.1	249.5	4,201.5	356	6,404.5	2,100.4	8,504.9
Negeri Sembilan	105	1,828.3	1,164.7	2,993.1	90	1,569.2	378.8	1,948.0	189	4,053.7	6,037.5	10,091.2
Pahang	86	1,530.9	615.1	2,146.1	98	1,059.0	391.6	1,450.6	165	2,087.9	887.5	2,975.4
Kelantan	32	1,374.8	486.4	1,861.1	52	858.1	0.0	858.1	87	1,182.1	0.1	1,182.1
Sabah	49	632.6	1,068.2	1,700.9	69	9,046.3	115.0	9,161.3	126	11,213.5	132.7	11,346.3
W.P. Putrajaya	14	859.4	0.6	860.0	10	290.7	0.0	290.7	29	1,016.7	1.0	1,017.7
W.P. Labuan	17	254.2	89.9	344.1	16	33.8	418.7	452.5	31	85.3	449.4	534.6
Terengganu	24	202.1	4.7	206.8	22	562.2	449.6	1,011.9	52	841.3	2,907.7	3,748.9
Perlis	6	73.3	3.5	76.8	23	121.0	0.3	121.3	28	188.1	0.3	188.4
Lain-lain**	188	5,609.8	37.2	5,647.0	85	2,613.4	522.9	3,136.3	91	4,625.2	636.4	5,261.6
Jumlah	2,948	85,419.2	74,582.2	160,001.4	2,657	71,735.8	63,886.3	135,622.1	5,101	141,089.6	188,365.4	329,455.0

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

27. Berapakah jumlah keluasan tanah milik Kerajaan Negeri yang telah dijual mengikut daerah sejak tahun 2022 sehingga kini?
- (a) Berapakah pendapatan yang dijana daripada penjualan tersebut?
- (b) Berapakah baki keluasan tanah milik Kerajaan Negeri mengikut daerah?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

27. Kerajaan Negeri tidak menjalankan penjualan bagi tanah milik Kerajaan Negeri. Sebaliknya, tanah milik Kerajaan Negeri hanya dilupuskan melalui kaedah-kaedah yang ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN). Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah meluluskan pelupusan secara pemberimilikan tanah bagi tempoh 2022 sehingga kini sebanyak 962.45923 ekar. Perincian mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	TAHUN	KELUASAN (EKAR)
1.	Timur Laut (TL)	2022	5.03
		2023	107.868
		2024	36.477
JUMLAH KELUASAN (EKAR)			149.375
2.	Barat Daya (BD)	2022	10.19961
		2023	83.31078
		2024	2.87733
JUMLAH KELUASAN (EKAR)			96.38772

3.	Seberang Perai Utara (SPU)	2022	15.47581
		2023	31.59325
		2024	TIADA PERMOHONAN
JUMLAH KELUASAN (EKAR)		47.06906	
4.	Seberang Perai Tengah (SPT)	2022	80.85205
		2023	66.85123
		2024	19.25417
JUMLAH KELUASAN (EKAR)		166.95745	
5.	Seberang Perai Selatan (SPS)	2022	305.52
		2023	91.77
		2024	105.38
JUMLAH KELUASAN (EKAR)		502.67	
JUMLAH BESAR (EKAR)		962.45923	

- (a) Pentadbiran Kerajaan Negeri mengenakan caj kadar premium bagi setiap permohonan pelupusan tanah seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) sebagai pendapatan Kerajaan Negeri. Berikut merupakan jumlah premium pemberimilikan bagi tahun ini sehingga 31 Oktober 2024 mengikut daerah:

BIL.	DAERAH	TAHUN	JUMLAH PREMIUM PEMBERIMILIKAN (RM)
1.	Timur Laut (TL)	2022	477,060.00
		2023	3,873,285.20
		2024	68,612,282.04
JUMLAH PREMIUM (RM)		72,962,627.24	
2.	Barat Daya (BD)	2022	422,027.96
		2023	20.00
		2024	12,232,231.60
JUMLAH PREMIUM (RM)		12,654,279.56	
3.	Seberang Perai Utara (SPU)	2022	26,692.36
		2023	609,520.00
		2024	TIADA
JUMLAH PREMIUM (RM)		636,212.36	
4.	Seberang Perai Tengah (SPT)	2022	4,844,412.00
		2023	6,510,962.30

		2024	1,023,731.00
	JUMLAH PREMIUM (RM)		12,379,105.30
5.	Seberang Perai Selatan (SPS)	2022	15,094,295.03
		2023	16,808,847.39
		2024	4,862,118.60
	JUMLAH PREMIUM (RM)		36,765,261.02
	JUMLAH BESAR (RM)		135,397,485.48

- (b) Tanah Kerajaan Negeri merupakan semua tanah di dalam negeri itu termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai serta dasar laut, serta yang adalah dalam lingkungan wilayah Negeri atau batas perairan wilayah selain dari tanah bermilik, tanah rizab, tanah lombong dan mana-mana tanah yang di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubung dengan hutan yang buat masa itu adalah hutan simpan. Oleh itu, baki keluasan tanah kerajaan tidak dapat dinyatakan secara spesifik kerana ia bukanlah tanah milik berdaftar yang direkodkan secara formal.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

28. Apakah dan dari manakah sumber utama air yang akan disalurkan ke Penang Silicon Island (PSI)?
- (a) Apakah status pengambilan tanah di Permatang Damar Laut?
 - (b) Senaraikan penduduk yang menerima pampasan dan jumlah pampasan yang diterima.
 - (c) Bagaimanakah kerajaan menerima bantahan yang dibuat oleh penduduk tentang pengambilan tanah di sana?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Sumber air mentah yang akan digunakan untuk menampung penggunaan di *Silicon Island* apabila siap kelak akan diselaraskan berdasarkan Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP2030) yang dilaksanakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Pelan ini akan memastikan bekalan air mencukupi sehingga tahun 2030. Selepas daripada tahun 2030, Pulau Pinang memerlukan Projek Air Perak/Pulau Pinang dan/atau penyahgaraman strategik dan projek kitar semula air sisa untuk menjamin bekalan air yang mampan bagi jangka panjang. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 5 Mei 2024 bahawa Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju untuk membekalkan air kepada Pulau Pinang melalui projek Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian yang dicadangkan menunjukkan komitmen untuk memastikan kelestarian bekalan air bagi keperluan pembangunan masa depan, termasuk projek *Silicon Island*.

- (a) Perwartaan Seksyen 8 Pengambilan Tanah untuk projek jalan *Pan Island Link 2A* (PIL2A) di Permatang Damar Laut yang akan dihubungkan ke *Silicon Island* telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 8 Mei 2024 dan disiarkan di dalam Warta Kerajaan mengikut Borang D Akta Pengambilan Tanah 1960. Pihak Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) telah melaksanakan penilaian akhir di tapak pada 4 September 2024.

Proses siasatan bagi pengambilan tanah bagi projek PIL2A ini akan bermula pada bulan Disember 2024 dan dijangka selesai sepenuhnya pada tahun 2025.

- (b) Berdasarkan Pelan Pengambilan Tanah Seksyen 8, terdapat 13 lot tanah milik persendirian dengan melibatkan 22 struktur yang terkesan manakala tanah kerajaan yang dikenal pasti terlibat merangkumi 24 struktur. Jumlah pampasan hanya akan ditentukan selepas proses siasatan bagi pengambilan balik tanah untuk projek PIL2A diselesaikan dan dijangka akan dimuktamadkan sepenuhnya pada tahun 2025.
- (c) Sekiranya terdapat bantahan yang dibuat terhadap proses pengambilan balik tanah bagi projek PIL2A oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD), penduduk diberi peluang untuk mengemukakan bantahan melalui perundingan atau surat rasmi. PDTDBD akan menilai bantahan dan memberikan pampasan yang adil. Jika tidak dipersetujui, penduduk boleh membawa kes yang berkaitan ke mahkamah.

Semasa proses *hearing* yang dilaksanakan juga oleh PDTDBD untuk pengambilan balik tanah bagi projek PIL2A ini, mana-mana pihak termasuk penduduk yang terlibat tidak berpuas hati, bantahan boleh dibuat semasa proses *hearing* dijalankan mengikut Akta Pengambilan Tanah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

29. Apakah punca pencemaran Pantai Esen?
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam menanganinya?
 - (b) Apakah pelan kontingensi kerajaan kepada pantai kotor ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Kerajaan Negeri Bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang dan Pemaju Projek telah melakukan tinjauan dan penilaian awal ke kawasan yang tercemar. Hasil tinjauan mendapati bahawa bahan yang terdampar di Pantai Esen dikenal pasti sebagai alga. Apabila air laut surut, alga ini akan melekat pada permukaan lumpur yang sedia ada yang menyebabkan gangguan visual dan pencemaran bau.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Pemaju Projek telah mengambil beberapa sampel di Pantai Esen, termasuk bahan terampai, air dan sedimen untuk analisis lanjut bagi mengenal pasti komposisi dan punca sebenar pencemaran ini. JAS Pulau Pinang turut mengambil sampel di lokasi yang sama untuk membandingkan hasilnya dengan sampel Pemaju Projek. Langkah mitigasi segera yang sedang dilaksanakan termasuk pemantauan di tapak oleh Pemaju Projek, pembersihan pantai secara manual dan berkala sehingga punca pencemaran dapat dikenal pasti dan langkah mitigasi jangka panjang dapat dimuktamadkan.

- (b) Sebagai pelan kontingensi, pakar perunding alam sekitar termasuk pakar dalam bidang hidraulik, ekologi dan kualiti air telah dilantik untuk mengenal pasti punca pencemaran dan mencadangkan langkah-langkah mitigasi. Ini termasuk kemungkinan pelaksanaan penyelenggaraan pengerukan (*maintenance dredging*) di kawasan Pantai Esen berdasarkan dapatan kajian daripada perunding. Selain itu, hasil lawatan oleh YB EXCO Perumahan dan Alam Sekitar pada 7 November lalu, YB EXCO mengemukakan cadangan awal penyelesaian kepada pihak penggerak projek seperti pendalaman kawasan persisiran pantai dan satu mesyuarat khusus akan diadakan bersama YB EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital serta agensi berkaitan. Walau bagaimanapun, antara langkah-langkah jangka pendek yg diambil adalah melalui pemantauan secara berkala oleh pihak JAS dan pembersihan pantai oleh penggerak projek.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

30. Senaraikan kuari aktif mengikut DUN.
- (a) Senaraikan kuari yang aktif di hutan simpan atau taman rimba dan langkah tidak rosakkan alam sekitar.
 - (b) Berapakah hasil kutipan kerajaan daripada projek kuari dari tahun 2022 sehingga kini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

30. Terdapat sembilan (9) kuari yang aktif di Pulau Pinang seperti berikut:

Bil.	DUN	Operator Kuari	No. Lot/ Mukim/ Daerah
1.	Penanti	Teik Granite Quarry Sdn. Bhd.	Lot 400, 411, 412, 960, 961, 1292, 1294, 1296, 707, Mukim 20, Seberang Perai Tengah
2.	Tanjung Bungah	Teik Granite Quarry Sdn. Bhd.	Lot 89, 94, 3575, 3576, 90, Mukim 18, Daerah Timur Laut
3.	Berapit	Foo Yen Soo & Sons Sdn. Bhd.	Lot 175, 177, 178, 179, 1442, 1443, 1444, 1445, 1459, 1460, 1453, 1454, 150, 159, 167, 1424, 1440, 1441, 1451, 1452, 149, 166, 168, 180, 454, 1140, 1141, 1446, 1447, 1448, 1449, 1450, 1933, 1934, 1935, 1936, 1957, 1958, 1959, 1960, 1961, 1962, 1963, 1964, 1965, 1422,

			1425, 10189, 10190, 195, Mukim 17, Seberang Perai Tengah
4.	Bukit Tengah	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	Lot 506, 508, 1487, 1516, 1517, 1518, 1519, 1520, 1535, 1538, 1539, PT659, PT 4005 (Lot Lama 1545), PT 9, 833, Mukim 12, Seberang Perai Tengah
5.	Berapit	Nam Heng Brothers Housing Sdn. Bhd.	Lot 192, 198, 200, 238, 251, 252, 253, 1484, 1485, 1486, 1928, Mukim 17, Seberang Perai Tengah
6.	Sungai Bakap	Hanson Quarry Sdn. Bhd.	Lot 40, 41, 129, 134, 135, 169, 170, 171, 213, 267, Mukim 3, Seberang Perai Selatan
7.	Sungai Bakap	Andesite Quarry Sdn. Bhd.	Lot 954, 961, 171, 179, 817, 818, 1104, 1105, Mukim 4, Seberang Perai Selatan
8.	Bukit Tambun	CMAPx Aggregates Sdn. Bhd.	Lot 407, 408, 409, 412, Mukim 14, Seberang Perai Selatan
9.	Batu Maung	Sofinaz Holdings Sdn. Bhd.	Lot 625, 627 dan 2342, Mukim 12, Daerah Barat Daya

- (a) Tiada sebarang kuari yang beroperasi di dalam hutan simpan atau taman rimba di Pulau Pinang.
- (b) Hasil kutipan Kerajaan daripada projek kuari daripada tahun 2022 sehingga kini adalah sebanyak lebih kurang RM4,563,438.85.